

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU

Foto: SADIQ ASYRAF/PMO

Palestin Malaysia bersamamu

**HENTIKAN
PERANG**

**BEBASKAN
PALESTIN**

Save Palestine

**Konsert Muzik dan
Filem: Imbau nostalgia
lalu >> 9 -11**

**Demi hobi, sanggup
bina mini galeri Batman
>> 12 - 13**

**PLKN kembali bentuk
sahsiah diri >> 18**

Ikrar terus bela Palestin, Malaysia tidak takut ancaman Eropah – PM

SYED HAZIQUE

MALAYSIA tidak perlu gentar dengan ancaman dari pihak Eropah ekoran daripada kelantangan suara membela nasib rakyat Palestin.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menyatakan, Malaysia akan terus memberikan sokongan jitu terhadap rakyat Palestin.

Anwar turut menyatakan, wujud seorang ahli parlimen dari Eropah yang dipercayai mengusulkan sekatan terhadap Malaysia.

Jelas beliau, perkara itu tidak sesekali menjejaskan kedudukan beliau sebaliknya tugas dan tanggungjawab akan dipikul seperti biasa.

“Ada ahli parlimen dari negara Eropah yang membangkitkan, ada usul langsung berhubung sekatan terhadap Malaysia. Ia tidak menjadi masalah, jadi kita jangan hiraukan soal itu (usul sekatan), kita hanya ada urusan kerja dan kita akan teruskan.



RAZARUDIN

“Kita terpaksa menyuarakan pandangan berhubung isu penindasan Israel terhadap Palestin bagi menyatakan solidariti daripada Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui ketika hadir melancarkan Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia (MMU), baru-baru ini.

Tambah Anwar, tiada apa yang perlu dibimbangkan oleh rakyat Malaysia, negara mempunyai sistem keselamatan yang baik.

“Kita masih ada pasukan keselamatan yang setiap hari menjaga keamanan negara. Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain akan uruskan hal itu.

“Kita tidak perlu bimbang terhadap ancaman tersebut, kita akan terus melakukan kerja kita seperti biasa,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi jaminan akan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan berhubung

isu ugutan tersebut.

Tan Sri Razarudin Husain berkata pihaknya memandang serius dan tidak akan bertolak

ansur terhadap perkara itu.

“Kawalan keselamatan terhadap Perdana Menteri menjadi keutamaan kita,” katanya.

Beliau bagaimanapun berkata ugutan terbabit mungkin melibatkan soal ekonomi atau sektor lain seperti eksport negara. **WK**



Rumah musnah dalam kebakaran, tujuh keluarga terima bantuan JWP

HAZIRAH HALIM

INSIDEN kebakaran yang memusnahkan empat buah rumah dan melibatkan tujuh keluarga di Jalan Jinjang Permai, Jinjang Utara pada 21 Oktober lalu amat memilukan.

Simpati dengan keadaan tersebut, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menghulurkan bantuan ihsan berupa wang tunai serta barangan keperluan harian kepada setiap keluarga yang terkesan susulan kebakaran tersebut.

Ketua Pengarah JWP, **Datuk Norida Abdul Rahim** berharap bantuan tersebut dapat mengurangkan beban mangsa dalam mengharungi cabaran itu.

“Kita akan turut menyediakan rumah transit secepat mungkin kepada kesemua keluarga yang terlibat dengan mengambil kira beberapa faktor utama termasuk persekolahan anak mereka,” ujarnya sambil menyatakan kesemua mangsa kehilangan harta benda termasuklah tempat tinggal.

Beliau berkata, pihaknya juga bersetuju menyediakan pengangkutan ke pusat perubatan bagi golongan berisiko seperti orang kurang upaya (OKU) dan mangsa yang memerlukan rawatan secara berkala.

“Kita faham masalah yang ditanggung kesemua mangsa kebakaran ini dan sedia membantu meringankan beban mereka termasuk

menyediakan penempatan transit.

“Bagaimanapun, lokasinya perlu diteliti supaya persekolahan anak mereka tidak terjejas jika lokasinya jauh dari kawasan penempatan sementara sekarang di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Kompleks Sukan Seri Delima, Jalan Kuching,” katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Ihsan kepada setiap keluarga mangsa kebakaran di PPS tersebut pada Selasa.

Turut hadir semasa sesi serahan dan tinjauan, Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin**, **Datuk Bandar Kuala Lumpur**, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** dan **Ahli Parlimen Kepong**, **Lim Lip Eng**.

Dalam pada itu, JWP turut mengalakkan semua pihak untuk

bersama-sama membantu mangsa kebakaran ini seiring dengan nilai Ihsan Malaysia MADANI.

Pada sesi tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyerahkan bantuan makanan, minuman dan barangan keperluan asas kepada keluarga mangsa kebakaran.

Terdahulu, mangsa yang terlibat terdiri daripada 15 orang dewasa, tujuh warga emas, lapan kanak-kanak, tiga OKU dan seorang bayi berjaya diselamatkan tanpa sebarang kecederaan.

Walau bagaimanapun, hanya sebuah keluarga ditempatkan di PPS berkenaan manakala tiga lagi keluarga memilih untuk menetap di luar iaitu di rumah rakan atau saudara-mara. **WK**



NORIDA (dua dari kanan) menyantuni mangsa-mangsa yang terlibat dalam insiden kebakaran di Jalan Jinjang Permai pada 21 Oktober lalu.

Lebih 5,000 hotspot banjir dikenal pasti di seluruh negara

POLIS telah mengenal pasti 5,648 lokasi hotspot banjir di 163 daerah di seluruh negara sebagai persediaan pihak berkuasa bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

Ketua Polis Negara **Tan Sri Razarudin Husain** berkata persediaan berkenaan adalah untuk memudahkan perancangan awal atur gerak penugasan dan pelan intervensi keselamatan.

Beliau berkata masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan berisiko banjir diminta memberi kerjasama serta patuh kepada arahan pihak berkuasa jika perlu berpindah demi keselamatan dan mengelak kejadian tidak diingini.

Susulan itu, sebanyak 61,839 pegawai dan anggota penguatkuasaan agensi keselamatan termasuk polis bersedia diatur gerak bagi menghadapi MTL.

“Agensi keselamatan yang terlibat ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat (24,114), Polis Diraja Malaysia (19,085), Angkatan Pertahanan Awam (10,510), Angkatan Tentera Malaysia (4,205) dan Jabatan Sukarelawan (3,925),” katanya.

Beliau berkata operasi itu akan diketuai Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman **Datuk Seri Hazani Ghazali** yang dilantik sebagai Komander Operasi Bencana Peringkat Pusat.

Razarudin berkata perancangan atur gerak rapi telah dibuat dalam menghadapi MTL yang diramal bermula lebih awal tahun ini iaitu November hingga Mac 2024.

Menurutnya polis juga bersedia sedia menggerazak asetnya melibatkan 503 bot, treler bot (206), lori (497), kenderaan pacuan empat roda (802), ambulans (17), jet ski (15), jaket keselamatan (6,028) dan lapan pesawat

udara mengikut keperluan serta perkembangan semasa bencana.

“Polis juga bekerjasama rapat dengan agensi keselamatan lain untuk memastikan setiap misi bantuan dan menyelamatkan mangsa dapat dilaksanakan dengan pantas,” katanya.

Razarudin berkata polis juga akan memastikan tahap keselamatan termasuk di sempadan negara kekal diberikan tumpuan sepanjang penugasan bencana banjir. - BERNAMA



Malaysia terus bersolidariti bersama Palestin, tidak gentar diugut

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

DUNIA sedang bergolak berkenaan isu negara Palestin yang dibedil dari setiap sudut daripada negara pemberontak demi mempertahankan tanah airnya dari terus dijajah.

Banyak negara kini bersolidariti bersama Palestin untuk terus bangkit memperjuangkan hak mereka.

Termasuklah negara Malaysia hampir semua warganegara menyatakan membantah sekeras-kerasnya kekejaman yang dilakukan rejim Zionis.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menegaskan negara Malaysia akan terus memperjuangkan hak kebebasan rakyat Palestin walaupun diancam dengan pelbagai ugutan.

Beliau turut mendedahkan Malaysia mula diserang oleh beberapa negara kuasa besar ekoran membela nasib Palestin.

“Malaysia akan kekal bebas dan akan terus mempertahankan kebebasan negara.

“Malaysia negara yang bebas dan merdeka, dan akan kekal sebagai negara yang berdaulat, yang akan

perjuangkan kebebasan serta hak rakyat Palestin.

“Saya telah terima banyak teguran dan ugutan. Tetapi saya sebut, kamu salah pilih orang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Himpunan Malaysia Bersama Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil pada Selasa.

Sementara itu dianggarkan lebih 16,000 orang hadir dari seluruh negara bagi menunjukkan solidariti kepada Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Israel sejak beberapa minggu lalu.

Anwar turut menegaskan, negara Malaysia tidak sesekali gentar dengan ugutan dan tekanan yang dilemparkan oleh negara-negara luar.

“Saya dikritik, mula diserang beberapa kalangan negara barat seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Israel. Waspada saya beritahu, selagi saya diberi mandat oleh rakyat saya tidak terima ugutan itu, kita lawan tetap lawan,” jelasnya.

Beliau turut menyatakan kekesalan banyak negara menutup mata dengan tindakan barbarian regim Israel yang telah melampaui



ANWAR di tengah-tengah lautan orang ramai yang membanjiri Himpunan Malaysia Bersama Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil pada Selasa.

batas kemanusiaan.

Anwar mempersoalkan pendirian dan perjuangan sebahagian negara Barat berkait soal hak asasi, kebebasan dan demokrasi yang seringkali dimainkan negara

rantau berkenaan, namun dalam isu bertumpu Palestin mereka bagi membutakan mata, membisukan mulut dan memekakkan telinga.

Justeru, Anwar tidak menolak keadaan Gaza akan bertukar lebih

buruk apabila tentera Israel akan terus ‘menggila’ dengan melakukan pencerobohan secara semberono terhadap tanah milik Palestin itu dengan sokongan negara blok terbabit. **WK**

Ancaman Eropah hanya bersifat kosmetik, PM terus lantang bersuara

MALAYSIA dilihat berani berhadapan dengan apa jua tindakan meskipun terpaksa membayar dengan harga yang mahal dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Negara Palestin.

Menurut Fellow Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), **Profesor Madya Dr Azmi Hassan**, gesaan segelintir ahli parlimen dari Eropah yang menjadi tali barut kepada rejim Israel sememangnya tidak mengejutkan kerana itu merupakan reaksi yang perlu dipertontonkan kepada masyarakat antarabangsa.

“Ancaman yang diutarakan oleh blok Eropah ini hanyalah bersifat kosmetik kerana mereka perlu mempamerkan bahawa mereka melakukan sesuatu terhadap negara yang menentang mereka dan dalam situasi kini, sememangnya tindakan ini telah dijangkakan,” katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Beliau yang juga Pakar Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengakui bahawa Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** telah mempamerkan kelantangan, ketegasan dan terkehadapan berbanding negara Arab dalam membela nasib rakyat Palestin yang kini berhadapan dengan ujian getir.

“Jika dilihat dari aspek Malaysia sebagai sebuah negara Islam berbanding negara Arab, kita memang tegas dan kehadapan dalam isu ini dan itulah langkah yang sewajarnya diambil untuk

mengembalikan keamanan terhadap rakyat Palestin.

“Disebabkan ketegasan itu, reaksi Eropah juga tidak *solid* kerana ada juga negara yang mengendurkan sokongan kepada negara Israel selepas ada dalam kalangan rakyatnya yang turut bersimpati dengan Palestin,” katanya.

Azmi berkata meskipun ada ancaman yang diberikan kepada Perdana Menteri dan Malaysia, ia tidak mendatangkan kesan berikutan Kesatuan Eropah (EU) juga berbelah bahagi dalam isu berkenaan.

“Saya berpandangan bahawa ini (tindakan) tidak akan berlaku kerana isunya adalah EU berbelah bahagi dan untuk mengenakan terhadap Malaysia hanya sebab kita membela nasib negara Palestin itu, saya pasti ia tidak mendapat sokongan kebanyakan masyarakat Eropah atau blok EU itu sendiri,” ujarnya.

Jelas Azmi beliau melihat terdapat kesan positif terhadap imej Perdana Menteri dan Malaysia berikutan tindakan beberapa buah negara Eropah melalui ahli parlimen mereka yang mengusulkan tindakan terhadap negara ini.

“Saya melihat kesannya positif kerana Malaysia adalah sebuah negara kecil dan blok Eropah mengambil perhatian yang serius terhadap Malaysia ekoran sikap yang ditunjukkan untuk mempertahankan Palestin,” katanya.

Dalam pada itu, Azmi berkata tidak timbul isu pembangkang Malaysia tidak bersama kerajaan dalam mempertahankan Palestin, sebaliknya pertikaian yang berlaku di Parlimen disebabkan mereka tidak boleh membuat sesuatu yang lebih daripada apa yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri.

“Saya melihat apabila Perdana Menteri berkomunikasi secara langsung dengan Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh maka itu adalah kemuncaknya.

“Disini seolah-olahnya bukanlah mereka tidak bersama dengan kita, sebaliknya mereka tidak boleh bertindak lebih berbanding Perdana Menteri, misalnya untuk menjadi lebih garang, mereka tidak boleh

menjadi lebih garang dan berani berbanding Perdana Menteri sendiri dan melebihi daripada apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia,”



AZMI



AWANG SUFFIAN



NIRWANDY

katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Berhad, **Awang Suffian Awang Piut** berkata negara Palestin hanya mahu hak kebebasan negara mereka.

Menurutnya, dalam episod peperangan kali ini, negara Palestin seolah-olah dipinggirkan malah organisasi antarabangsa seperti diikat tangan untuk tidak mengambil tindakan.

“Palestin hanya meminta untuk dibebaskan daripada terus dijajah, mereka hanya mempertahankan hak mereka yang telah dicabul oleh negara Israel.

“Hampir setiap hari di setiap sudut negara Palestin dibedil, termasuk tindakan tidak berperikemanusiaan daripada rejim Zionis yang mengebom hospital baru-baru ini.

“Hak mereka seperti dipinggirkan, ia ibarat perang berat sebelah apabila Israel turut disokong kuasa-kuasa besar yang lain, malah organisasi antarabangsa tidak mengambil sebarang tindakan bagi menghentikan kekejaman yang berlaku ketika ini,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Tambah Awang Suffian, dia berharap keadilan dapat ditegakkan dan peperangan tidak berperikemanusiaan itu dapat dihentikan supaya orang awam tidak lagi menjadi mangsa korban sekali gus dapat hidup dengan harmoni.

Dia turut menyeru semua orang bersolidariti dan memberikan sokongan yang jitu kepada rakyat Palestin untuk terus bangkit

melawan penjajah.

“Peperangan yang sedang berlaku ini amat berat sebelah, boleh bayangkan bagaimana penceroboh yang menuntut bukan hak mereka dianggap ia adalah satu keadilan? Ini satu perkara yang tidak bertanggungjawab.

“Marilah kita semua menolong semampu yang boleh, bersolidariti bersama, berdoa agar rakyat Palestin akan terus berjuang untuk melawan penjajah,” ujarnya.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr Noor Nirwandy Mat Noordin** menegaskan bahawa sistem keselamatan dan pertahanan negara telah pun bersedia dari pelbagai segi sekiranya Malaysia terus diheret dalam kancah peperangan yang melibatkan Israel.

Jelas beliau, peperangan secara fizikal mungkin agak sukar berlaku dalam situasi dunia yang sudah moden pada hari ini, namun dalam masa sama ancaman perang subversif ideologi dan perang siber tidak boleh dipandang ringan berikutan konflik yang berlaku.

“Boleh dikatakan rakyat dan kerajaan hari ini senada dalam memberikan pembelaan terhadap rakyat Palestin. Namun ancaman keselamatan ini sesuatu yang boleh dijangkakan tetapi, ia bukanlah sesuatu yang boleh menjejaskan semangat dan kesepaduan rakyat Malaysia dan kepimpinan kerajaan.

WK

Tuduh larang bertakbir, kecam pemimpin Israel, ini jawapannya

KECOH dan tular baru-baru ini apabila timbul larangan menghina Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu dan laungan takbir dalam Perhimpunan *Freedom for Palestine* yang berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 22 Oktober lalu.

Walaupun Pengerusi Viva Palestina Malaysia (VPM) yang bertindak sebagai penganjur, Datuk Dr Musa Mohd Nordin telah tampil memohon maaf, namun rakyat masih marah, tidak berpuas hati dan berasa terhina terutama susulan dua larangan berkenaan semasa himpunan aman tersebut.

Bagi mereka, meminta maaf bukanlah jalan penyelesaian terhadap insiden yang telah berlaku, apa yang mereka mahukan adalah kebenaran di sebalik isu itu.

Malah, tidak cukup dengan itu, mulalah ada yang menuduh kononnya perkara tersebut adalah arahan daripada pihak kerajaan yang dikatakan cuba mempolitikasikan isu Palestin ini.

Adakah benar kerajaan melarang rakyat bertakbir dalam perhimpunan aman Palestin? Benarkah larangan menaikkan sepanduk pemimpin Israel untuk menjaga hati mana-mana pihak seperti yang ditularkan?

Ini jawapan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurut Saifuddin, larangan itu adalah atas budi bicara penganjur yang bertanggungjawab



ANWAR bersalaman dengan Putera Mahkota Mohammed Salman ketika sesi pertemuan di Riyadh baru-baru ini. - Foto FB ANWAR

memastikan tiada perbuatan cenderung kepada permusuhan berlaku.

“Di Parlimen saya tegaskan, bila saya berdiri pendirian kerajaan saya sampaikan dengan tanggungjawab, pengiktirafan kita kepada mereka (Palestin) tetapi soalnya apakah boleh dikecam Benjamin Netanyahu, pendirian kita jelas, hakikat bahawa kita mengiktiraf perjuangan rakyat Palestin, dengan sendirinya kita menidakkan sokongan (kepada Israel).”

“Tetapi kalau di himpunan dengan 300, 400 orang, dianjurkan satu pertubuhan kemudian kalau dikenakan apa-apa sekatan, yang boleh dan tidak boleh, kena

lihat fakta kejadian pada waktu itu dan ia tak mencerminkan pendirian sepenuhnya kerajaan hari ini,” katanya pada waktu pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) yang ingin tahu sama ada terdapat undang-undang baharu untuk menurunkan sepanduk yang mengecam pemimpin Israel itu.

Saifuddin berkata Akta Perhimpunan Aman 2012 mensyaratkan penganjur bertanggungjawab memastikan pihaknya dan orang lain berada dalam perhimpunan itu tidak

melakukan perbuatan dan tidak mengeluarkan pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan dalam kalangan orang awam.

“Isu pokoknya solidariti kepada rakyat Palestin diiktiraf oleh negara yang bersimpati sebagai negara berdaulat tetapi tidak ada tanah air baik di Gaza atau tebing barat yang buminya itu adalah bumi dijajah.”

“Sekarang nyawa dua juta rakyatnya terancam, tentera Israel sudah ada di sempadan dan isu pokoknya bagaimana mengeluarkan rakyatnya daripada tanah Gaza yang tengah terkepung dan ini yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan serta Putera Mahkota, Mohammed Salman dan Perdana Menteri Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dan menjadi koordinator bagi pihak ASEAN,” katanya.

Jawapan yang diberi sudah pun panjang lebar dan menjawab isu ini. Jadi, rasanya tidak perlu lagi diperbesarkan pada masa akan datang. Kita tetap bersama Palestin. Jika tidak mampu berjuang, marilah menadah tangan dan berdoa kepada Allah SWT.

Baru-baru ini, Anwar juga bertemu Erdogan serta Raja Salman yang nyata dan jelas menunjukkan usaha murni Malaysia dalam menyelamatkan rakyat Palestin. Jadi, bawa-bawalah bertenang ya!

WK

Gara-gara gambar bersama Sara Netanyahu, Wan Azizah difitnah sokong Israel

TERKEJUT dan tidak sangka! Itulah reaksi sesetengah netizen apabila melihat foto isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam laman sosial *Instagram* Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu.

Tanpa usul periksa, pihak yang tidak bertanggungjawab terus menyebarkan gambar tersebut dan bermula dari situ netizen mula mendakwa Wan Azizah menyokong Israel.

Fitnah yang bertebaran di semua platform media sosial itu turut mengundang persepsi jahat dan tidak kurang juga ramai yang terus-terusan mengecam tindakan Wan Azizah yang dikatakan tidak sensitif dengan isu Palestin.

Tak fahamlah, mudah betul orang sekarang sebar fitnah. Belum tahu hujung pangkal terus nak jatuhkan salah. Esok lusa bila dah tahu kebenarannya janganlah menyorok pula.

Enggan membiarkan perkara tersebut terus berlarutan, pihak Angkatan Muda Keadilan (AMK) Johor menzahirkan rasa kecewa dengan tohmahan yang dilemparkan terhadap Ahli Parlimen Bandar

Tun Razak tersebut.

Dalam satu kenyataan media, AMK Johor mendedahkan bahawa tohmahan itu dibuat sewaktu perjumpaan isteri-isteri pemimpin dari setiap negara pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di Amerika Syarikat pada 21 September lalu.

“Perjumpaan tersebut merupakan sebuah tradisi yang diadakan sebagai pentas meraikan semangat demokrasi untuk isteri-isteri pemimpin dari setiap negara untuk beramah mesra dan berkongsi pandangan terhadap isu-isu semasa.”

“Majlis tersebut turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Turkiye, Emine Erdogan yang dilihat mesra dengan Wan Azizah. Bagaimanapun, situasi itu cuba diputar belit kononnya Wan Azizah akrab dengan isteri Perdana Menteri Israel, Sara Netanyahu.

“Kebencian tidak berasas ini sengaja disebar dengan niat menjejaskan hubungan baik kerajaan Malaysia dan Palestin selama ini,” menurut kenyataan media tersebut.

Sehingga ke hari ini kerajaan telah berjaya menyalurkan dana lebih RM10 juta bagi membantu kegiatan kebajikan dan kemanusiaan di Palestin.

Kejayaan menyalurkan dana tersebut secara keseluruhannya membuktikan ketekunan kerajaan Malaysia dalam membantu negara Islam yang memerlukan bantuan di peringkat antarabangsa.



WAN AZIZAH (dua dari kiri, depan) dalam sekeping foto yang tular dan menjadi perdebatan ramai.

MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

28-29/10/23: Korea Travel Fest 2023 @ KLCC

3-5/11/23: Inspitari 2023 @ MaTiC KL

4-5/11/23: INSPITARI @ MaTiC KL

10-31/12/23: Plant Success Stories @ Shark Parade, Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



28-29/10/23: Bengkel Microsoft Office, Word, Excel & Powerpoint @ Pusat Pembelajaran Kejuruteraan Presint 16

26-29/10/23: Karnival Usahawan Desa @ Anjung Floria

28-29/10/23: Putrajaya Night Marathon 2023 @ Dataran Putrajaya

29/10/23: Putrajaya Pink Oktober Run 2023 @ KOSA, P6

30/10/23: National Explorace: Edisi Batik @ Dataran Wawasan

18/11/23: Putrajaya 10 Miles 2023 @ Jambatan Saujana

LABUAN



Oktober 23: Kejohanan Silat Tanding & Seni Usia Dini Terbuka Labuan @ Dewan Arena Labuan

28-29/10/23: HPPN 2023 @ Plaza Berpayung Labuan Seasport

3-5/11/23: Labuan International Bike Week 2023 @ Medan Selera Labuan

4/11/23: Pertandingan karaoke @ Taman Burung Labuan

4/11/23: Pertandingan Eksplorasi Bahasa @ Ujana Kewangan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

(Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia)

Melitus diabetes: Bukan pengakhiran hidup si kecil

APABILA anak anda yang sihat dan aktif disahkan menghidap diabetes, ia seolah-olah mengukarkacirkan segala keseimbangan hidup. Sebagai ibu atau ayah, ia merupakan satu keadaan yang penuh kebimbangan.

Perunding Endokrinologi Pediatrik di IMU Healthcare dan Pensyarah Kanan dalam Pediatrik di Universiti Perubatan Antarabangsa, **Dr Meenal Mavinkurve**, tampil memberi pencerahan dan berkongsi pendapatnya mengenai diabetes kanak-kanak.

"Ramai ibu bapa yang berasa terkejut, tidak berdaya dan berputus asa apabila anak mereka disahkan menghidap diabetes tetapi keadaan itu ada penyelesaiannya.

"Saya mahu pesakit dan ibu bapa memahami yang kanak-kanak penghidap diabetes boleh berjaya, malah boleh menjadi lebih baik lagi berbanding kanak-kanak lain yang tidak menghidap diabetes.

"Tidak dinafikan ia adalah sukar, diselang-seli dengan emosi dan rutin kehidupan baharu, tetapi akhirnya kerjasamalah yang dapat membantu kanak-kanak ini menikmati kemanisan hidup sama seperti rakan sebaya," ujarnya.

Mengulas lanjut tentang melitus diabetes, Meenal berkata ia berkisar tentang insulin, sejenis hormon penting yang dikeluarkan organ pankreas.

"Insulin memainkan peranan penting untuk mendapatkan glukosa, yang merupakan satu sumber tenaga, ke dalam sel-sel kita.

"Melitus diabetes adalah keadaan di mana kurangnya insulin

atau tindakannya berkurangan (rintangan insulin). Kedua-dua keadaan ini boleh membawa kepada paras glukosa yang tinggi dalam aliran darah. Itulah melitus diabetes.

"Jenis melitus diabetes paling banyak didapati dalam kalangan kanak-kanak adalah Jenis 1 (iaitu kekurangan insulin, atau T1DM)

dan Jenis 2 (rintangan insulin, atau T2DM).

"T1DM adalah keadaan autoimun, di mana badan menghasilkan antibodi yang memusnahkan sel-sel beta di dalam pankreas. Sel-sel itulah yang bertanggungjawab menghasilkan insulin. Keadaan T2DM pula, badan masih boleh menghasilkan insulin, tetapi insulin kurang bertindak," ujarnya.



DR MEENAL

BERMULA DENGAN KESEDARAN

TAMBAHNYA, salah satu langkah penting yang boleh membawa kepada diagnosis diabetes lebih awal adalah kesedaran bahawa melitus diabetes adalah penyakit yang boleh dihidapi kanak-kanak dan pengenalan awal setiap gejala boleh membantu diagnosis dan rawatan awal.

Menurut Meenal, jika gejala-gejala tersebut tidak dikesan dari awal, ia boleh melarat dan menjadi lebih teruk dengan gejala muntah, kelesuan, sesak nafas dan sakit perut.

"Itu adalah gejala-gejala *ketoasidosis diabetik* (DKA), sejenis diabetes yang kronik. Walaupun begitu, kadangkala kita boleh keliru dengan gejala yang sama seperti keadaan pediatrik biasa yang lain.

"Kajian terbaharu oleh Mavinkurve et al, 2021 bertajuk *Is Misdiagnosis of Type 1 Diabetes Mellitus in Malaysian Children a Common Phenomenon?* 2021, menunjukkan kadar salah diagnosis dalam kalangan kanak-kanak Malaysia dengan T1DM ialah 38.7 peratus.

"Dalam kajian ini, dilaporkan bahawa kanak-kanak biasanya didiagnosis secara salah sebagai berpenyakit pernafasan atau gastrousus oleh profesional penjagaan kesihatan.

"Kanak-kanak yang berumur kurang lima tahun berisiko lebih tinggi untuk tersalah diagnosis. Mereka datang ke hospital dengan gejala DKA, lalu dimasukkan ke wad unit rawatan rapi," ujar beliau lagi.

Secara keseluruhannya, kajian tersebut menekankan bahawa mencegah salah diagnosis sebagai faktor penting dalam mencegah DKA dan berada lama dalam wad hospital.

Pada tahun 2019, Atlas Persekutuan Diabetes Antarabangsa (IDF 9th ed, 2019) melaporkan 977 kes diabetes dalam kalangan kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun di Malaysia. Angka tersebut meningkat lebih dua kali ganda bagi kes yang didaftarkan pada tahun 2008 di bawah Pendaftaran Diabetes dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, Malaysia.

Laporan akhbar *The Star* menyatakan bahawa secara puratanya, kira-kira 57 kanak-kanak disahkan menghidap diabetes setiap tahun. Satu daripada kedua-dua jenis diabetes tersebut yang paling biasa dihidapi kanak-kanak adalah Jenis 1 yang menyumbang lebih daripada 90 peratus kes melitus diabetes di seluruh dunia.

"Kadar diabetes dalam kalangan kanak-kanak telah meningkat di seluruh dunia dan diagnosis sedang dibuat ke atas kanak-kanak yang jauh lebih muda juga.

"Di Malaysia, purata umur diagnosis adalah antara tujuh hingga lapan tahun. Di dalam kes diabetes Jenis 2, faktor risiko yang diketahui ialah obesiti dan ia semakin meningkat di Malaysia.

"Keadaan ini biasa dilihat dalam kumpulan umur remaja. Walaupun wujud kaitan yang kuat antara obesiti dan T2DM, terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi seperti sejarah keluarga dan latar belakang etnik," ujar beliau.

Bagi kanak-kanak yang disahkan menghidap melitus diabetis, jalan di hadapan akan ditandai dengan hari-hari yang baik dan sukar. Pesakit dan keluarga boleh mendapatkan sokongan dari doktor mereka dan bekerjasama untuk memastikan kanak-kanak penghidap diabetes menikmati zaman kanak-kanak yang indah dan bernilai sama seperti kanak-kanak lain.

"Kesedaran dan pendidikan mengenai diabetes kanak-kanak melalui sumber yang boleh dipercayai adalah begitu penting.

"Melitus diabetes boleh jadi satu keadaan yang kronik, tetapi ada jalan penyelesaiannya. Dengan jalan penyelesaian itu dan kerjasama, kita mampu membantu kanak-kanak penghidap diabetes untuk mencapai potensi yang sewajarnya," katanya.



SECARA purata kira-kira 57 kanak-kanak disahkan menghidap diabetes setiap tahun.



Pertandingan Fotografi Lensa Kuala Lumpur 2023

Menangi hadiah wang tunai sehingga RM15,000

HAZIRAH HALIM

PARA penggemar fotografi dijemput menyerlahkan bakat dengan menyertai Pertandingan Fotografi Lensa Kuala Lumpur 2023 dan berpeluang memenangi hadiah keseluruhan berupa wang tunai sebanyak RM15,000.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, penyertaan bagi pertandingan itu adalah secara percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia bermula dari 23 Oktober hingga 19 November

ini.

“Pertandingan ini terbahagi kepada dua tema iaitu Visit KL City di mana peserta dikehendaki merakam gambar keindahan ibu kota Kuala Lumpur yang ditonjolkan dengan pemandangan yang menarik serta memperlihatkan keunikan seni bina sejarah dan moden.

“Tema kedua pula adalah Festival City iaitu gambaran yang mempamerkan acara-acara yang berlangsung di Kuala Lumpur dengan menampilkan kepelbagaian untuk menunjukkan ibu kota ini

sebagai sebuah bandar mesra dan berdaya huni,” jelasnya.

Menurut DBKL, setiap peserta perlu menghantar sekurang-kurangnya tiga keping gambar dan ia mestilah gambar asli yang tidak pernah digunakan bagi mana-mana penggunaan publikasi, cetakan dan penerbitan.

“Setiap peserta hendaklah memuat naik hasil karya di platform media sosial (*Instagram*) bersama dengan hashtag *#visitkl* dan *#lensakl2023* beserta *caption* yang menarik.

“Hantarkan gambar kepada sekretariat melalui pautan atau kod

QR yang disediakan iaitu di laman media sosial *@visitklofficial* dengan hashtag tersebut,” jelasnya.

Justeru itu, orang ramai dijemput menyertai peluang ini sekali gus memenangi hadiah wang tunai iaitu tempat pertama (RM3,000), kedua (RM1,500), ketiga (RM1,000) dan sagu hati (RM500).

Untuk makluman lanjut mengenai syarat-syarat pertandingan, boleh layari laman web DBKL di *www.db-kl.gov.my* atau hubungi Sekretariat Pertandingan Fotografi Lensa KL, Unit Pelancongan Kuala Lumpur di talian **03-2698 3819**. 



ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial *Wilayahku*.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) *Wilayahku*.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Hidup Ross sebagai roda

BENARLAH langit tidak selalu cerah. Putaran hidup ibarat roda, ada kala di atas ada kala di bawah. Ada masa melalui saat bahagia tetapi takdir Allah juga menentukan bahawa boleh berubah menjadi derita.

Inilah nasib yang menimpa komposer Ross Ariffin, 61. Daripada seorang pencipta lagu terkenal yang menghasilkan beberapa lagu hebat untuk penyanyi tanah air, kini dia hidup susah menjadi seorang gelandangan.

Antara lagu popular ciptaan Ross ialah ‘Dia’ (Fauziah Latiff), ‘Kau dan Aku’ (Ning Baizura), ‘Kurniaan Dalam Samaran’ (Siti Nurhaliza), ‘Semalam Ku Tolak Ke Tepi’ (Liza Aziz) dan banyak lagi.

Kawan-kawan Kedai Kopi turut bersimpati dengan nasib yang menimpa Ross. Jika dahulu disanjung dan dipuja serta dicari oleh penyanyi serta syarikat rakaman, kini dia dilupakan. Nasib dirinya tidak menentu, ke sana ke mari mencari

tempat bernaung dan mencari makan.

Dia hidup di jalanan, ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’ dan berpindah-randah sejak tiga tahun lalu. Pernah tinggal di Pasar Seni Kuala Lumpur dan Melaka, kini khabarnya tinggal di sebuah rumah perlindungan di Pudu.

Untuk menambah deritanya, dia pernah dua kali diserang angin ahmar menyebabkan sukar bergerak dan bercakap. Lantaran itu juga dia menghadapi masalah untuk bekerja mencari pendapatan.

Ross bercerai dengan isterinya sejak 10 tahun lalu dan mempunyai dua orang anak. Tetapi dia sendiri tidak berhubung dengan mereka kerana tidak mahu anak susah hati dengan keadaannya.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi percaya dengan tersiernya pelbagai cerita mengenai dirinya kebelakangan ini, bekas isteri dan anak-anak akan tahu juga perkembangan dirinya.

Demi meneruskan hidup, Ross pernah bekerja melipat tuala dan cadar di sebuah hotel bajet di Melaka tanpa bayaran. Cuma dia dibenarkan menginap percuma di hotel tersebut.

Ross masih menyimpan harapan untuk kembali mencipta lagu apabila keadaan kesihatannya bertambah baik. Baginya

mencipta lagu adalah kerjaya yang sudah sebatu dengan dirinya dan berharap dia akan mampu menghasilkan lagu seperti dahulu.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap dia akan dapat merealisasikan harapan tersebut agar boleh melalui jalan kehidupan yang lebih cerah berbanding sekarang. Mungkin dalam hal ini, persatuan-persatuan seni tanah air boleh membantu.

Garisan putih jalan

DARIPADA pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, banyak jalan di ibu kota yang sudah hilang garis putih pembahagi lorong. Ada yang hilang terus, ada yang hanya samar-samar warna catnya. Garisan yang sudah terpadam itu pula tidak dicat semula.

Keadaan ini menimbulkan kesusahan kepada pemandu kerana tiada panduan tepat ketika di jalan raya. Garisan putih sangat penting untuk pemandu berada di lorong yang betul bagi melancarkan perjalanan dan mengelak kesesakan.

Tanpa garisan pembahagi lorong, pemandu sukar bergerak secara tersusun menurut barisan. Akibatnya ramai yang keluar masuk ke laluan

orang lain sesuka hati menimbulkan kesesakan lalu lintas.

Berdasarkan pengalaman kawan-kawan Kedai Kopi, wujud suasana ‘hiruk-pikuk’ di jalan raya kerana ketiadaan garis putih. Kenderaan bersesak mencelah untuk ke hadapan menambah kekelutan di jalan raya.

Jika ada garisan putih sekurang-kurangnya pemandu akan berada di lorong masing-masing, tidak mencelah ke kiri kanan. Walaupun dalam kesesakan, pergerakan kenderaan lebih teratur berbanding tanpa garisan.

Pada waktu malam, garisan putih memainkan peranan lebih penting. Dalam kesamaran malam, garis putih menyerlah sebagai penunjuk jalan kepada pemandu agar tidak tersasar atau memasuki lorong yang salah.

Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meninjau kawasan di mana garisan putih ini sudah hilang dan mengecatnya semula dengan segera.

Jangan biarkan jalan tanpa garisan ini terbiar begitu lama. Seelok-eloknya, sebaik sahaja catnya antara nampak dengan tidak, segeralah cat semula. Begitu juga jika jalan diturap, pastikan garisan putih dicat di atas turapan.

Kehidupan di luar media sosial



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

KUALA Lumpur seperti juga kota-kota lain di dunia yang penuh dengan gemerlapan dan kemilau. Kehidupan masyarakatnya kelihatan dibelit kemewahan yang tidak mungkin dialami oleh mereka yang tinggal di luar kota. Sememangnya begitulah sifat sesebuah kota di mana kehidupan mewah menjadi mercu tandanya.

Malah seolah-olah tidak ada ruang untuk yang tidak mampu menggapai kemewahan itu tumpang mendiami kota yang besar itu. Semuanya menuntut belanja yang bukan sahaja besar, malah terlalu besar. Akan tetapi hakikatnya ada sahaja golongan lain misalnya yang berpendapatan sederhana atau rendah lagi.

Lapisan sosialnya berbagai-bagai daripada yang ultra elit hinggalah mereka yang tidak punya kediaman. Mereka itu bukan lagi tergolong dalam B40 malah lebih rendah daripada itu. Semuanya menumpang hidup di sebuah kota yang bernama Kuala Lumpur.

Suatu waktu dulu hidup di kota seperti Kuala Lumpur, kalau tidak kuat pendirian kita juga terjerumus dalam perangkap kebendaan. Semua perkara diukur dengan benda, padahal manusia mempunyai tanda aras yang lain untuk membezakan antara satu dengan yang lain.

Itu dilema warga Kuala Lumpur yang terpesona dengan kehidupan mewah golongan berada. Tetapi itu dulu, sekarang bukan di Kuala Lumpur yang menjadikan kebendaan sebagai ukuran hidup, malah berlaku di mana-mana dengan berleluasanya media sosial.

Kalau dulu orang di kampung tidak terdorong untuk meniru kehidupan orang kaya di Kuala Lumpur. Hanya orang Kuala Lumpur yang daif berfikir akan merasa terbeban untuk menyamakan diri dengan golongan berada. Tetapi kini di mana-mana sahaja khayalan kebendaan sentiasa mencari sasarannya.

Pada era digital, secara tanpa sedar media sosial telah mencipta khayalan kehidupan kepada kita. Kalau golongan elit dengan kehidupan yang mewah, kita yang tidak tergolong dalam kelas itu juga berkhayalan sedemikian. Maka terhasillah golongan yang memancing perhatian dengan



HAKIKAT yang perlu difahami adalah tidak semua yang terpantul di media sosial mewakili kehidupan nyata di luar tabir lingkungannya. - Gambar hiasan

memperagakan perkara yang pada tanggapan mereka lebih daripada orang lain.

Mereka adalah dalam kalangan yang teracun dengan sekian banyak kepalsuan yang diperagakan di media sosial. Mereka gagal membezakan antara khayalan menjadi mewah dengan kehidupan yang sebenar. Bahkan bukan sedikit yang bergaya di media sosial dengan harapan dianggap lebih tinggi kedudukan dengan yang lain.

Kehidupan yang sebenar bukanlah sebiji epal merah yang dilihat pada satu sisi sahaja. Kehidupan adalah gandingan hitam dan putih, kaya dan miskin serta suka dan duka. Maka lihatlah epal merah daripada berbagai-bagai sudut yang tentunya ada yang tidak sempurna kerana itulah cerminan kehidupan kita.

Tidak ada yang sesempurna epal merah yang tidak tersisa. Hanya media sosial yang menyakinkan bahawa kehidupan kita seperti itu. Maka yang kurang berfikir pun mahu menjadi seperti yang dilihat di media sosial akan kehidupan yang penuh mewah dan bahagia.

Kehidupan yang nyata adalah sulam seli hitam dan putih, tinggi dan rendah serta jatuh dan bangun.

Semua yang bertentangan itu menjadikan kehidupan penuh kepelbagaian warna dan suasana.

Bagaimanapun kehidupan nyata tidak terpapar di media sosial hingga kita terlupa akan kebenarannya. Media sosial mempengaruhi kita membentuk

persepsi bahawa hanya kehidupan di situ sahaja yang sempurna, bahagia dan dikelilingi nilai-nilai yang semuanya menjurus kebendaan.

Terlalu sedikit, malah hampir tidak ada yang memaparkan kegagalan, kemiskinan dan kekurangan di media sosial. Ini pelantar sosial untuk kelihatan bergaya walaupun tidak seperti dalam kehidupan nyata. Maka berlumba-lumbalah memperagakan khayalan yang pada tanggapan mereka adalah satu kebahagiaan.

Sebahagian besar warga maya penagih perhatian dan memperagakan khayalan kesempurnaan hidup untuk mendapat pujian. Tambahan pula hal ini selari dengan budaya hidup di media sosial – mengangkat diri sendiri supaya kelihatan lebih berbanding yang lain.

Pada mulanya media sosial hanya dilihat sebagai rangkaian hubungan sosial. Bagaimanapun menjadi jauh lebih besar dan mencipta sebuah khayalan kehidupan yang penuh kebendaan. Masing-masing memperagakan kebendaan supaya kelihatan hidup mewah dan sempurna.

Bagaimanapun hakikat yang perlu difahami adalah tidak semua yang terpantul di media sosial mewakili kehidupan sebenar yang penuh berwarna-warni. Secara psikologinya media sosial membentuk gambaran dan wajah kehidupan yang tersendiri – sedikit-tidaknya dalam kalangan

warga maya yang malas berfikir.

Tanpa sedar pula telah menulis semula tatacara dan prasyarat kehidupan yang menepati definisi media sosial. Masa yang sama ia adalah ruang eskapisme untuk melarikan daripada kenyataan hidup yang mungkin tidak seindah diimpikan. Di media sosial, impian itu dijelma dan dihidupkan dengan memperagakan kegembiraan, kemewahan dan kebahagiaan.

Hal ini berlaku kerana pengguna media sosial dipaksa melihat kehidupan orang lain yang secara terancang pula berpaksi kebendaan. Pengguna hampir terlupa hakikat diri sendiri kerana pantulan cerita orang lain yang lebih memukau, malah hampir tidak ada cerita duka dan sengsara.

Ketika media sosial giat mempertontonkan sisi epal merah yang sempurna, jangan lupa sisi yang satu lagi. Di sebalik media sosial yang mengangkat kehidupan yang indah-indah, makan yang enak-enak dan segala keperluan kebendaan tersedia, hakikatnya di sisi yang lain bergelut untuk hidup. Salah seorangnya mungkin kita sendiri.

Sisi itu tidak dipertontonkan kerana bertentangan dengan tatacara media sosial. Di sana hanya yang indah-indah yang mampu membuatkan orang yang daif alam fikirnya akan terpegun dan kagum.

Kehidupan yang dipaparkan di media sosial dengan yang nyata sangat berbeza antara satu dengan lain. Bagaimanapun media

sosial ada kemilau yang luar biasa untuk memagut perhatian dan keterpesonaan. Ibarat sebutir lampu di tengah gelap malam yang menyihir kelekatan mengerumuninya.

Oleh yang demikian untuk melihat atau memahami kehidupan yang nyata, jangan sama sekali mencari di media sosial. Hal ini kerana media sosial mempunyai tatacara kehidupannya yang tersendiri dan tidak mewakili kehidupan nyata di luar tabir lingkungannya.

Suatu hakikat yang tidak boleh dilupakan adalah kehidupan ini tidak semuanya penuh dengan keindahan. Walaupun keindahan itu yang menjadi impian, tetapi dalam kehidupan yang nyata, kita tidak mendapat semua. Kita mendapat sebahagian yang indah dan selebihnya tidak indah.

Media sosial cenderung mendesak kita mengukur kehidupan daripada pembaris yang digunakan oleh orang lain. Memaksa tanpa sedar supaya menjadi seperti individu terpapar yang bahagia dan amat mewah kehidupannya.

Tetapi jangan lupa, semua itu tidak lebih sebuah album gambar. Hanya gambar yang dipilih sahaja dimasukkan dalam album. Semuanya tersaring dan sememangnya album gambar bukan sebuah rakaman kehidupan yang sebenar.



MYTHOMANIA

*Suara itu,
berpetak-petak
lidahnya mengikis
bahagia
bertukar
sengsara.*

*Suara ini,
menjadi noktah
diam
membiarkan
lakonan
dipenuhi
sandiwara.*

*Bila ada suara
lebih baik pangkas
lidahnya
ular berbisa
membelit
percaya.*

SOLIHIN OSMAN
Dangau Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!



YWP, Yakult Malaysia bakal anjur Program Kenali Kanser Usus Besar

HAZIRAH HALIM

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia (KKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) mempergiatkan usaha membina kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap penyakit kanser.

Ia dilihat memainkan peranan penting bagi memastikan masyarakat mengambil serius tentang bahaya penyakit berkenaan yang dibimbangi boleh meragut nyawa jika tidak dicegah awal.

Justeru itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Yakult Malaysia Sdn Bhd bakal menganjurkan Program Saringan Kanser Usus Besar dan Pemakanan Sihat (Jom Kenali Usus Anda) pada 4 November ini bertempat di Dewan Orang Ramai, Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Sains Yakult Malaysia Sdn Bhd, **Lim Siew Ling**, program saringan itu akan diberikan secara percuma kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan dijangka bakal memanfaatkan seramai 250 peserta meliputi penduduk di kawasan berkenaan termasuk Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan



Awam Malaysia (PUSPANITA) bermula pukul 8 pagi hingga 1 petang.

“Objektif Program Saringan Kanser Usus Besar ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan

pengesanan awal kanser usus besar dalam kalangan B40.

“Pelaksanaan program ini berpandukan kepada konsep Kebajikan Tanggungjawab Bersama yang diadakan secara kolaborasi

strategik melalui pendekatan perkhidmatan kerajaan terhadap rakyat,” katanya kepada *Wilayahku*.

Selain pemeriksaan kesihatan, Siew Ling berkata program itu juga akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, ceramah kesihatan, cabutan bertuah dan sebagainya.

“Menariknya, para pengunjung dan peserta terlibat berpeluang mendengar ceramah kesihatan tentang kesihatan usus yang akan disampaikan oleh doktor dari Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan (WP) serta perkongsian berhubung pemakanan sihat untuk usus daripada pakar pemakanan di Pejabat Kesihatan WP.

“Selain itu, kita juga akan menunjukkan tayangan video tentang cara penggunaan Kit *Immunochemical Fecal Occult Blood Test* atau Kit iFOBT iaitu sejenis alat yang digunakan ketika ujian untuk mengesan darah di dalam najis.

“Justeru itu, saya ingin mengajak semua warga penduduk PA Desa Rejang khususnya termasuk orang ramai untuk hadir memeriahkan program saringan kesihatan ini yang sememangnya berguna dan memberi banyak pendedahan terhadap kanser usus besar,”

Info

ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam

Putrajaya

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam

Labuan

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

kongsinya.

Tambahnya, majlis perasmian penutup dijangka akan dirasmikan oleh Pengarah Urusan Yakult Malaysia, Hiroshi Hamada bersama Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj.

Untuk rekod, YWP menerima kunjungan dari pengeluar minuman probiotik terkemuka dunia, Yakult Malaysia Sdn Bhd pada 4 Oktober lalu. Menerusi kunjungan tersebut, kedua-dua pihak berhasrat menjalankan program-program kesedaran mengenai kanser. **WK**

Jom lawati dua *spot* wajib singgah di sekitar Kuala Lumpur



PENGEMBARAAN Program Pasport 50WP anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) memberi peluang kepada para peserta menerokai dan menjelajah keunikan serta kepelbagaian 50 lokasi menarik yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Jom kita lihat keunikan dua lokasi *checkpoint* menarik dan wajib dilawati tersebut di sekitar Kuala Lumpur.

TAMAN TUGU NEGARA

TAMAN Tugu Negara yang terletak bersebelahan Bangunan Parlimen dan Taman Botani, Kuala Lumpur merupakan taman rekreasi serta lokasi aktiviti mendaki (*hiking*) buat warga kota terutama pada setiap hujung minggu.

Dibuka pada tahun 2019, ia merupakan salah satu projek inisiatif tanggungjawab sosial korporat bukan berasaskan keuntungan yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad bagi memelihara hutan



TAMAN Tugu Negara dibuka setiap hari kepada pengunjung.

sekunder daripada diceroboh pihak lain untuk tujuan komersial.

Lokasi ini menempatkan sebanyak 1,000 jenis pokok sedia

ada termasuk spesies tempatan seperti Jelutong, Tembusu, Pulai dan Gaharu yang mana kebanyakannya berukuran lebih

dari satu meter dan berusia 100 tahun.

Peserta bolehlah bersantai dan mengambil gambar untuk

dimuat naik ke dalam kod QR yang disediakan dan setelah selesai meneroka taman tersebut, singgahlah sebentar di Tugu View Cafe untuk menjamu selera. Dibuka setiap hari seawal pukul 7 pagi hingga 6.30 petang.

PINTASAN SALOMA

PINTASAN Saloma merupakan jambatan pejalan kaki ikonik yang menjadi isyarat penghubung antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Pembangunan Kampong Bharu. Ia adalah jambatan pejalan kaki berbumbung yang terpanjang tanpa tiang di Malaysia dengan jarak 69 meter.

Para peserta dapat melihat struktur bumbung yang berbentuk berlian di mana ia dilengkapi 4,566 keping panel dengan 4,098 unit lampu solar diod pemancar cahaya (LED) bagi memberi impak terhadap seni pencahayaan mengikut tema festival untuk menerangi jambatan ini terutama pada waktu malam.

Lebih menarik, terdapat banyak *Insta-Worthy Spot* di sepanjang laluan pejalan kaki ini.

Jadi, jangan lepaskan peluang anda untuk berkunjung ke lokasi *checkpoint* ke-14 iaitu Pintasan Saloma dan bergambar bagi melengkapi aktiviti jelajah anda. **WK**

The logo for WK2, featuring the letters 'WK2' in a stylized, bold, red font. The 'W' and 'K' are connected, and the '2' is slightly offset. The entire logo is enclosed in a red rectangular border.

Bil 234: 27 OKTOBER - 2 NOVEMBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

A photograph of a musical performance at night. In the foreground, three performers are singing into microphones. On the left, a man with a beard and glasses, wearing a blue jacket, is singing with his mouth open. In the center, a man wearing sunglasses and a light-colored coat is singing. On the right, a woman wearing a pink and white patterned hijab and a blue long-sleeved shirt is singing. In the background, an orchestra is visible, with musicians playing violins and other instruments. The scene is lit with stage lights, and there are white tents in the background.

Konsert Muzik dan Filem: Imbau nostalgia lalu

Foto: SYUQREE DAIN/WK



Kuala Lumpur bakal jadi pentas seni negara

Foto: SYUQREE DAIN
Video: AMIN FARJI HASSAN
DIANA AMIR

TANPA muzik, apa sahaja babak dalam sesebuah filem mahupun drama akan sukar diingati. Dek kerana itu, lagu runut bunyi (OST) merupakan antara hal penting dalam memastikan sesebuah naskhah tersebut malar segar.

Misalnya, di Malaysia, pada era sebelum milenium, banyak menyajikan filem diiringi muzik yang boleh dianggap hebat dan kekal di ingatan generasi zaman-berzaman. Antaranya filem yang tidak asing lagi, Azura yang popular pada era 80-an gandingan hebat Datuk Jamal Abdillah dan Fauziah Ahmad Daud.

Bagi mengangkat kembali lagu-lagu OST filem popular era tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tampil mengadakan Konsert Muzik dan Filem pada 21 Oktober 2023 lalu bertempat di Piazza Pavilion Bukit Jalil.

Antara filem nostalgia yang diangkat pada malam tersebut adalah filem Ali Setan, Marah-Marah Sayang, Jejaka Perasan, Mr Os, Kembara Seniman Jalanan dan tidak ketinggalan filem komedi drama keluarga Malaysia pada tahun 2009, Papadom arahan Datuk Afdlin Shauki.

Konsert yang diiringi pemain Orkestra Kuala Lumpur DBKL itu ternyata memberi impak yang berbeza dengan pelbagai elemen dan susunan muzik baharu bagi mempersembahkan semula lagu-lagu yang menjadi siulan ramai tersebut.

Menurut Ahli Lembaga Penasihat DBKL, **Datuk Afdlin Shauki Aksan**, antara inisiatif penganjuran konsert tersebut adalah untuk mempertontonkan Orkestra Kuala Lumpur DBKL kepada warga kota.

"Kita sangat beruntung dapat

menyaksikan persembahan yang julung-julung kali diadakan di mana pentas ini menghimpunkan kembali penyanyi-penyanyi popular pada era 80-an.

"Rasa nostalgik. Nyanyian mereka membawa kita kembali ke zaman dahulu di mana suatu ketika itu filem dan muzik sangat hebat di Malaysia.

"Konsert ini untuk mendekatkan lagi muzik orkestra dengan rakyat

menggunakan filem-filem popular dahulu di mana kita semua tau dengan OST ini juga membantu memudahkan orang ramai menerima muzik orkestra," jelas beliau yang juga merupakan Pengerusi YWP Media Sdn. Bhd.

Tambah Afdlin, idea konsert tersebut adalah daripada pihak DBKL sendiri yang juga merupakan Ketua Orkestra Kuala Lumpur DBKL bagi Konsert Muzik dan Filem.

"Kita perlu memperbanyakkan lagi konsert seperti ini mungkin

selepas ini kita boleh mengangkat tema lain pula.

"Seperti kita tahu, seni adalah satu cabang di mana kita boleh memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penganjuran ini juga dapat mengumpulkan kaum Melayu, Cina dan India untuk sama-sama menyaksikan dendangan lagu-lagu Melayu.

"Muzik adalah universal sama seperti sukan yang mampu menyatukan semua kaum di mana setiap kaum mempunyai warisan tersendiri dan melalui seni kita menghormati setiap budaya, filem dan lagu masing-masing," ujar beliau perkara tersebut antara yang 'mahal' di Malaysia yang tidak dijumpai di negara lain di mana perpaduan wujud melalui seni, sukan serta warisan.

Berkongsi mengenai hala tujunya dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya seni, Afdlin berkata dengan kerjasama DBKL, aktiviti seni akan diperbanyakkan seterusnya menjadi platform menonjolkan bakat.

"Perbincangan juga akan diadakan dalam menambah baik kemudahan persembahan jalanan seperti busker bagi memudahkan mereka mempersembahkan aktiviti seni dengan lebih mudah di sekitar Kuala Lumpur.

"Selain itu, kita juga akan melihat lebih dekat cara perlesenan untuk teater serta *art street* bagi memudahkan warga kota berseni," ujar beliau mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi utama menunjukkan kehebatan seterusnya menjadi pelapis arena seni.

Pengarah filem Harimau Malaya ini juga turut berharap lebih banyak aktiviti seni dapat diadakan di Kuala Lumpur terutamanya dalam menarik lebih ramai golongan muda.

Terdahulu, Konsert Muzik dan Filem menghimpunkan barisan selebriti ternama seperti Imuda, Datuk Seri Shah Reza, Ebby Saiful, Isma Aliff, Arteh dan tidak ketinggalan Afdlin Shauki yang mendendangkan lagu-lagu popular pada era 80-an antaranya Marah-Marah Sayang, Sandarkan Pada Kenangan dan banyak lagi. **WK**



AFDLIN SHAUKI



ANTARA penyanyi yang turut memeriahkan persembahan.



ISABELLA merupakan konduktor orkestra yang mengiringi setiap persembahan di Konsert Muzik dan Filem.





Colours of music bawa keunikan dalam konsert

BAGI menggamit semula era kegemilangan muzik dan filem era 80-an, Orkestra Kuala Lumpur DBKL tampil mengiringi Konsert Muzik dan Filem yang dianjurkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Sabtu lalu.

Menurut Ketua Orkestra Kuala Lumpur DBKL, **Isabella Pek**, ia merupakan konsert yang paling bermakna terutama kepada penggemar filem-filem popular pada sekitar era 80-an.

"Kita menyajikan semula lagu-lagu daripada filem popular suatu ketika dahulu di mana sebanyak 18 buah lagu dimainkan dan dinyanyikan semula oleh

penyanyi asal.

"Temanya adalah filem Melayu era 80-an namun kita selitkan juga beberapa lagu bahasa lain bagi menghiburkan

penonton yang terdiri daripada pelbagai kaum," ujarnya kepada Wilayahku *ketika ditemui selepas tamat konsert tersebut.*



ISABELLA PEK

Bercerita tentang idea untuk menganjurkan konsert tersebut, Isabella berkata pada

awalnya dia membayangkan untuk membawa lagu-lagu Allahyarham P Ramlee namun melodi-melodi tersebut sudah

kerap kali didengarkan di radio mahupun televisyen.

"Ketika itu, timbul idea untuk mengetengahkan semula lagu OST dari filem popular era 80-an sekali gus menjadi platform untuk memperkenalkannya kepada generasi kini agar ia tidak lapuk," jelasnya sebahagian lagu malar segar yang dimainkan diketahui oleh generasi muda.

Berkongsi mengenai cabaran di sebalik konsert tersebut, dia berkata Orkestra Kuala Lumpur mempunyai dua lagi konduktor berlainan di mana mereka mempunyai kemahiran tersendiri dalam sesebuah persembahan.

"Cabaran kali ini adalah disebabkan penyanyi yang dibawa adalah otai jadi kita perlu melakukan penyusunan semula muzik di mana key dan tempo bagi sesebuah lagu perlu

diturunkan sedikit.

"Namun rata-rata berpuas hati dengan nafas baharu yang disuntik dalam setiap lagu bagi menampakkan orkestra itu. Ia lebih kaya dengan pelbagai muzik dan apabila digabungkan terserlah *colours of music* yang menjadikan persembahan orkestra itu mahal dan unik," ujarnya konsert tersebut melibatkan seramai 45 pemain muzik dan rata-ratanya merupakan anak jati Kuala Lumpur.

Tambahnya, Orkestra Kuala Lumpur DBKL akan bergabung dengan Orkestra RTM bersempena Ulang Tahun ke-50 KLFM pada 5 November 2023 bertempat di Dataran Merdeka di mana pelbagai aktiviti menarik turut menanti orang ramai yang hadir. **WK**

Ogy, Jamal kongsi pentas setelah dua dekad

HAZIRAH HALIM

SETELAH sekian lama tidak digandingkan bersama di pentas nyanyian mahupun lakonan, pasangan hero dan heroin filem Azura yang popular sekitar 80-an, Datuk Jamal Abdillah dan Fauziah Ahmad Daud kembali disatukan dalam Konsert Muzik dan Filem bertempat di Piazza of Pavilion Bukit Jalil baru-baru ini.

Gandingan hebat ini tampil mendendangkan lagu popular dalam filem Azura pada tahun 1984 itu yang berjudul Sandarkan Pada kenangan. Menariknya pada malam tersebut, penonton turut dihiburkan dengan sedutan tayangan muzik video lagu 'berhantu' itu.



OGY

Penyanyi asalnya, **Fauziah Ahmad Daud** atau mesra disapa Ogy berasa terharu apabila dapat menyanyikan semula lagu tersebut bersama heronya satu ketika dahulu.

"It's a nice feeling, saya dah berpuluh tahun tidak berduet dengan beliau, *Alhamdulillah* masih lagi boleh menyanyi. Terus terang, saya rasa amat terharu kerana terpilih bukan sahaja untuk mendendangkan lagu ini malah lagu-lagu yang pernah terkenal di dalam filem lakonan saya juga," katanya ketika ditemui *Wilayahku.*

Berkongsi pandangan tentang konsert tersebut, Ogy berkata ia memberi peluang kepada penggiat seni era 80-an untuk mementaskan semula lagu-lagu OST yang pernah

mewarnai seni tanah air suatu ketika dahulu.

"Tahniah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana mencetuskan idea ini. Apabila ditawarkan untuk mengacara dan bernyanyi di konsert ini, saya terus setuju kerana muzik yang dipetik pada konsert ini berkait dengan filem-filem lakonan saya, jadi saya terus kata *why not* sebab dah lama sangat tidak bersua dengan peminat filem Melayu.

"Melalui konsert seperti ini, kita dapat menarik kehadiran generasi muda untuk lebih mengenali karya-karya seni tanah air termasuk artis-artis lama yang pernah mewarnai industri seni di Malaysia.

"Sekali lagi tahniah Orkestra Kuala Lumpur di bawah pimpinan Isabella Pek kerana berjaya memberikan yang terbaik melalui gubahan-gubahan lagu yang menarik, rasa seronok dapat bekerja bersama dia dan ahli-ahli muzik yang lain," kata Ogy. **WK**



JAMAL (tengah) bersama Ogy (kiri) dan Afdlin berkongsi pentas dalam Konsert Muzik dan Filem.



Kaki kumpul figura Batman bina mini galeri demi hobi

Video: **HASIF HALIMI**
SYUQUREE DAIN

BAGI sesetengah pihak, minat mengumpul patung figura aksi daripada watak siri animasi, komik, filem atau adiwira kegemaran mungkin dilihat sebagai satu hobi yang agak kebudak-budakan, namun kini ia semakin menjadi kegilaan dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya mereka yang berstatus 'pengumpul'.

Disebabkan oleh minat yang mendalam, ada antara pengumpul yang sanggup berbelanja besar sehingga mencecah ribuan ringgit untuk mendapatkan koleksi figura aksi yang diidamkan daripada peniaga dari luar negara menerusi pelbagai platform antaranya media sosial dan laman sesawang.

Memiliki lebih 1,000 figura aksi dan barangan dari filem Batman, iaitu karakter yang cukup sinonim dengan kanak-kanak era 90-an sehingga kini ibarat mimpi jadi kenyataan buat **Razman Shah**, 39. Dia menyimpan dan menyusun koleksi tersebut dengan teratur di dalam bilik ibarat sebuah galeri peribadi.

Menurut Razman, beliau mula menjadi seorang pengumpul figura aksi Batman sejak dua dekad lalu dan kesemua barangan tersebut merupakan koleksi yang pernah muncul di dalam filem dan komik Batman yang menjadi kegilaan seluruh dunia pada era 60-an, 80-an dan lewat 90-an.

Antara koleksi figura Batman milik Razman yang paling signifikan serta jarang dijumpai ialah Batwing (filem Batman 1989), Batmobile (filem Batman 1989), Arkham Knight Batmobile daripada Project Triforce (permainan video Batman Arkham Knight 2015), Batmobile (filem The Batman 2002) dan Batmobile (filem Batman VS Superman 2016).

Bapa kepada seorang cahaya mata itu berkata dirinya mula meminati karakter

Batman lakonan Adam West daripada filem Batman 1966 ketika di bangku sekolah dan siri yang paling diminati ialah Batman The Animated Series 1992.

Razman berkata koleksi pertamanya merupakan hadiah daripada ahli keluarga dan selepas itu, dia mula mengumpul koleksi figura aksi sedikit demi sedikit sejak awal tahun 2000. Antara figura yang paling mahal dimilikinya ialah Hotwheels Radio Control Batmobile daripada filem The Batman 2022 di mana ia mencecah sehingga RM3,000.

Ber cerita lanjut, Razman yang kini bekerja sebagai seorang Penolong Pengurus di sebuah institusi pendidikan di ibu negara berkata ahli keluarga mahupun isterinya tidak pernah menghalang dirinya untuk meneruskan minatnya.

"Saya memilih hobi ini kerana setiap koleksi barang mainan dan patung figura mempunyai nilai pasaran yang tinggi.

"Sebagai contoh, Batwing dari filem Batman tahun 1989 merupakan salah sebuah figura aksi vintaj yang paling susah untuk dimiliki serta sudah diberhentikan produksi. Dahulu ia dibeli dengan harga RM300 tetapi kini ia mampu mencecah RM1,000 bergantung kepada penjagaan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Razman yang pernah dilantik sebagai Presiden Kelab Batman Fans Malaysia pada tahun 2019 hingga Julai lalu berkata bahawa dirinya sering berkomunikasi, bertukar pandangan serta maklumat bersama komuniti untuk mendapatkan koleksi mainan terpakai selain bekerjasama mengadakan pameran koleksi model mainan setiap kali filem terbaharu bakal ditayangkan.

Ditanya mengenai perancangan bagi kesemua koleksi figura aksi Batman miliknya, Razman tidak berhasrat untuk menjual atau melepaskan kepada sesiapa sebaliknya ia akan disimpan sebagai pelaburan jangka masa panjang buat anak serta keluarganya pada masa hadapan. *WK*



ANTARA koleksi figura aksi Batman milik Razman.





RUTIN/Razman bagi memastikan kesemua koleksinya sentiasa berada dalam keadaan baik.



KOLEKSI vintaj milik Razman iaitu Batwing daripada filem Batman tahun 1989.



ARKHAM Knight Batmobile keluaran Project Triforce yang tidak pernah dikeluarkan secara rasmi di mana-mana.



IBARAT galeri peribadi, hampir setiap ruang dan sudut dipenuhi barangan dan figura Batman.



FIGURA aksi pemberian keluarga antara yang terawal dimiliki Razman.



BATMISSILE Batmobile daripada filem Batman tahun 1989.



Aeril Zafrel sanggup jual Lamborghini Aventador demi Palestin



DEEL ANJER

AERIL Zafrel antara selebriti yang banyak menyumbang kepada tabung Palestin. Terbaharu, dia berjaya menjual kereta mewah Lamborghini Aventador miliknya dengan harga RM2.1 juta. Menurut Aeril, 35, itulah antara pengorbanannya demi umat Islam di Palestin. Buktinya, sebahagian hasil jualan kereta turut disalurkan pada Misi Kemanusiaan di Gaza. "Kereta ini saya guna sejak setahun lalu. Walaupun jarang dibawa berjalan, tapi ia tetap memberikan nilai sentimental. Apatah lagi ia adalah hadiah daripada isteri tercinta. "Cuma bila memikirkan

di rumah pun sudah ada beberapa kereta lain yang lebih kerap digunakan, saya ambil keputusan untuk jual Lamborghini ini. Isteri pun okay sahaja.

"Dalam masa sama, saya dah pasang niat kalau kereta ini terjual, sedikit hasilnya saya nak sumbangkan pada tabung bantuan kemanusiaan di Gaza. Insha-Allah, dapat membantu meringankan beban mereka yang memerlukan di sana," ujarnya yang sebelum ini turut menyumbang wang ke Tabung Palestin Yayasan Nurjiwa milik Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Menurut Aeril lagi, impiannya untuk membeli kereta mewah itu sudah tercapai. Kini masanya untuk dia menjual dan membantu rakyat Palestin.

"Sebelum ini saya memang ada terfikir nak beli sendiri. Selalu juga tengok di Internet dan YouTube. Malah, pernah cakap pada isteri nak beli kereta ini. Waktu itu dia tidak membenarkan kerana masih banyak perkara dan komitmen lain perlu diselesaikan.

"Mungkin sudah saatnya dan dia pun beli. Saya pula jenis yang suka nak merasa, dua tiga tahun selepas itu tukar kereta lain pula. Sekurang-kurangnya dapat memenuhi impian," katanya.

Penaja kontroversi pasang bini muda tanpa kebenaran isteri tua

KISAH nikah isteri muda tanpa pengetahuan isteri pertama bukanlah isu baharu dalam masyarakat kita.

Ini pula kisah seorang ahli perniagaan yang semakin popular dengan produknya. Dia semakin dikenali kerana menaja sebuah program hiburan popular. Rupa-rupanya, dia telah berkahwin dengan seorang gadis.

Namun, apa yang kurang sedap didengar, ahli perniagaan terbabit sebenarnya mengahwini gadis berkenaan tanpa pengetahuan isteri pertamanya.

Rasa kasihan pun ada pada isteri tuanya yang sentiasa menemani suaminya di sisi.

Maklumlah, si suami seorang usahawan yang semakin meluas empayar dan pengaruhnya. Tetapi dalam setiap masa yang tidak berenggang itu, sempat juga lelaki itu mencari madu.

Perkahwinan pun sudah sah. Tiada apa yang boleh dipertikaikan pun sebab halal. Cuma tak tahulah macam mana amukan isteri tua apabila mengetahui hal sebenar.

Apapun, doakanlah agar perkahwinan penaja sensasi itu dengan kedua-dua isterinya diberkati dan bahagia hingga ke syurga. Amin!

Filem Harimau Malaya penghormatan Afdlin buat negara

PENGARAH filem Harimau Malaya: *The Untold Journey*, **Datuk Afdlin Shauki** mengaku naskhah yang diarahnya itu bukanlah semata-mata untuk kejayaan peribadi malah lebih penting adalah untuk negara.

Bagi Afdlin Shauki yang kali terakhir duduk di kerusi sutradara dua tahun lalu, kesempatan mengarahkan filem itu adalah platform yang digunakannya untuk mewujudkan kecintaan yang lebih besar bukan hanya terhadap sukan tetapi semangat setiakawan, pengorbanan dan patriotisme yang sepatutnya ada dalam diri setiap rakyat Malaysia.

"Selaku rakyat Malaysia saya tidak seharusnya menolak peluang menggarap dan mengarah Harimau Malaya: *The Untold Journey*.

"Ini bukan sahaja kerana mahu ada satu *masterpiece* dalam karier

pengarahan saya tetapi ia menjadi penghormatan saya kepada negara tercinta. Melalui filem mini, akan mengerti definisi Kejayaan Memerlukan Keberanian Dan Pengorbanan," katanya.

Filem terbitan 4ward Pictures Sdn Bhd itu mengangkat perspektif yang belum pernah dikupas dalam mana-mana penghasilan karya membabitkan Harimau Malaya.

Wakil 4ward Pictures Nashrul Nasir berkata, filem itu berkembang bukan sekadar tentang pemain bola sepak tetapi mengambil naratif berbeza terutama mengangkat kisah tiga orang peminat tegar yang digelar Ultras yang disenaraihitam menghadapi perlawanan bola sepak selama setahun.

"Filem ini juga menampilkan sepak terajang atau perjalanan panjang individu-individu di belakang tabir, di sekeliling

yang banyak membantu skuad kebangsaan tetapi tidak pernah didendangkan.

"Harimau Malaya: *The Untold Journey* juga adalah sebuah apresiasi terhadap perjuangan skuad kebangsaan terutama selepas berjaya menewaskan Bangladesh sekali gus layak ke Piala Asia selepas 42 tahun," katanya.

Filem tersebut dibarisi pelakon hebat tanah air antaranya Sophia Albarakbah, Zahrah Macwilson, Aiman Hakim Redza, Tony Eusoff, Vanidah Imran, Khir Rahman, Douglas Lim, Fattah Amin, Meerqueen, Fazura, Bell Ngasri, Azhar Sulaiman dan ramai lagi.

Ia diinspirasikan daripada kisah di sebalik tabir Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) selepas Tan Cheng Hoe meletakkan jawatan sebagai jurulatih skuad kebangsaan pada Januari 2022.

Reyhana Yunus penat, kecewa

PENYANYI kelahiran Labuan, Sabah, **Reyhana Yunus** akui rasa kecewa apabila bintangnya dalam dunia hiburan kurang bersinar jika dibandingkan dengan rakan-rakan artis seangkatannya.

Selepas dia menyertai pertandingan Bintang RTM pada 2007, tiga tahun selepas itu dia dilamar untuk bernaung di bawah satu label syarikat rakaman.

Selama dua tahun di sana, pihak pengurusan kurang memberi tumpuan kepadanya kerana ramai lagi artis yang turut berada di syarikat itu.

Meskipun mempunyai vokal yang bagus dan pernah memenangi pertandingan peringkat antarabangsa seperti *World Championships of Performing Arts* (WCOPA), hakikatnya bukan mudah untuk Reyhana Yunus mencari tempat dalam industri hiburan tempatan.

"Saya akui penat dan ada rasa kecewa tapi saya percaya soal rezeki. Belum lagi masanya buat saya. Namun saya bersyukur kerana masih menerima undangan persembahan tanpa putus sebagai sumber rezeki," katanya.

Reyhana ditemui pada konsert *World Stars Celebration* yang meraikan kejayaan Karyawan Seni Persembahan Malaysia Di Kejohanan WCOPA baru-baru ini.

Konsert anjuran MATME Management tersebut buat julung kalinya di *Dominus Arts Venue Grand Hall, Fairview International School*, Kuala Lumpur.

Ia menampilkan seramai 17 alumni karyawan seni persembahan yang telah mewakili Malaysia ke WCOPA dan berjaya memenangi pingat serta gelaran dalam kategori seni persembahan yang disertai.

Selain Reyhana, konsert yang berlangsung selama dua jam itu dijayakan oleh barisan alumni WCOPA antaranya Farhana Mohamad, Ananda Wilson, Dr Sharip Zainal, Nisa Addina, Mohd Nurulazmie, Megan Lo Uise, Aloysius Susek, Pasqueletta Paulus, Muhammad Iskandar, Dhestiansa Rajeswara, Melissa Anne Jude, Sarah Qistina Lim, Amberly Maidon, Chloe Phang Ketty Natalia Rasul dan Datuk Wahadiah. WK

REYHANA



PEDi Bandar Tun Razak penuhi keperluan setiap lapisan masyarakat

AZLAN ZAMBRY

PERKEMBANGAN pesat Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (ICT) negara telah mendorong banyak perubahan dalam membangunkan masyarakat selain memperkenalkan kepentingan penggunaan teknologi yang selari dengan status negara membangun.

Bagi meningkatkan golongan celik teknologi maklumat (IT), kerajaan telah memperuntukkan kewangan yang besar demi memastikan semua lapisan masyarakat mempunyai kemahiran baharu khususnya teknologi ICT yang merupakan gerbang kepada kemajuan negara.

Selari dengan hasrat tersebut, kerajaan juga mewujudkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di 911 lokasi seluruh negara bagi menyediakan peluang kepada golongan sasar khususnya B40 untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui platform ekonomi digital.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) adalah agensi yang bertanggung jawab dalam menyelia PEDi berfungsi sebagai pusat pendidikan dan pengajaran berkenaan dengan ICT di samping memperkasa komuniti setempat untuk menjadi inovatif dan berdaya saing melalui platform digital.

Menurut Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail**, sebanyak 21 PEDi telah diwujudkan di Wilayah Persekutuan sehingga kini dan PEDi Perumahan Awam Seri Sabah 3A merupakan satu-satunya PEDi di Parlimen Bandar Tun Razak.

"Sambutan yang diberikan oleh penduduk setempat setakat ini kepada sesi kursus atau latihan yang dikendalikan, adalah memberangsangkan apabila sejumlah 7,123 penyertaan latihan telah direkodkan sejak 2017 sehingga 30 September 2023.

"Angka ini jelas membuktikan bahawa PEDi mempunyai potensi besar untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan mobiliti sosial penduduk," kata beliau ketika berucap merasmikan Hari Bersama Komuniti PEDi Bandar Tun



AHLI Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (tengah) menandatangani plak perasmian Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Perumahan Awam Seri Sabah 3A baru-baru ini.

Razak baru-baru ini.

Hadir sama Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin; Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din; Ketua Pegawai Operasi MCMC, Datuk Mohamad Ali Hanafiah Mohd Yunus; Pengarah Eksekutif Sosioekonomi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismaili Sakirin dan Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner (ACP) Zam Halim Jamaluddin.

Wan Azizah berkata pendigitalan merupakan aspek penting dalam kehidupan masa kini dan setiap individu tidak boleh ketinggalan untuk turut berubah kerana seluruh dunia telah melalui transformasi digital.

"Kita lihat golongan warga emas juga tidak boleh ketinggalan kerana penggunaan teknologi sudah diperluaskan untuk semua perkhidmatan, malah ia kini turut mempunyai platform termasuklah peluang menjana perniagaan," katanya.

Tambah Wan Azizah, masyarakat kini mesti menyesuaikan diri dengan peranti-peranti digital termasuklah penggunaan telefon pintar yang

semakin meluas selepas penularan pandemik COVID-19 yang lalu.

"Melalui peranti berkenaan ia memudahkan lagi semua pihak untuk lebih berinovasi dan kreatif dalam memulakan perniagaan yang membolehkan setiap orang meningkatkan pendapatan," katanya.

PEDi Bandar Tun Razak juga telah berjaya melahirkan usahawan makanan dan minuman (F&B), Zulamirul Ainuddin apabila berjaya memasarkan produk Kopi dan Bouquet melalui jenama REN Coffee.

Zulamirul merupakan salah seorang usahawan yang menerima bantuan, khidmat nasihat dan latihan yang diberikan kakitangan di PEDi Perumahan Awam Seri Sabah 3A untuk menjana pendapatan melalui penglibatan dalam komuniti.

Pendapatannya sebelum ini kurang daripada RM300 sebulan dan telah meningkat kepada lebih RM1,800 sebulan.

Inisiatif PEDi ini merupakan bukti komitmen kerajaan dalam memastikan taraf hidup masyarakat Malaysia terus dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, ia cerminan

keseriusan kerajaan untuk memupuk gaya hidup digital dalam kalangan masyarakat seiring dengan aspirasi kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi digital negara.

Sehubungan itu, Wan Azizah turut menggesa masyarakat setempat terutamanya usahawan dan golongan muda yang membentuk 30 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Bandar Tun Razak yang kini berjumlah 191,000 orang, merebut peluang keemasan bagi mengikuti latihan dan program yang ditawarkan oleh PEDi untuk mendalami bidang ekonomi digital dan menggunakannya sebagai platform untuk memajukan diri dan sosioekonomi setempat.

MANFAAT PEDi SEJAK DI BANGKU SEKOLAH

PENERIMA Anugerah Ikon ICT PEDi Perumahan Awam (PA) Seri Sabah 3A, **Nurul Husna Noor**, 19, mengakui sering memanfaatkan PEDi dalam setiap tugas sejak dari bangku sekolah sehingga melanjutkan pelajaran ke menara gading. Jelas penuntut Diploma

Penguatkuasaan Undang-Undang Kolej Universiti Saito itu, beliau menjadikan PEDi PA Seri Sabah 3A sebagai lokasi untuk menyiapkan kerja rumah khususnya yang melibatkan penggunaan komputer.

"Ketika di bangku sekolah, kami telah didedahkan dengan tugas tertentu dan di PEDi ini, saya menjadikan ia sebagai pusat sumber untuk mendapatkan maklumat tambahan melalui Internet.

"Saya juga telah mempelajari banyak perkara berkenaan sistem komputer termasuklah penggunaan *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel* di samping perlu menyiapkan tugas dalam memenuhi tanggungjawab sebagai pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT)," katanya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, Pengurus PEDi Perumahan Awam Seri Sabah 3A, **Nurul Aqilah Hamzah** berkata secara purata, PEDi di bawah seliaannya dikunjungi kira-kira 70 orang untuk tempoh satu bulan.

"Seperti Nurul Husna ketika waktu pandemik dahulu, seperti yang kita ketahui semua proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan secara dalam talian (*online*), dan ketika itu dia baru melanjutkan pelajaran dan apabila dia datang ke PEDi, kita bantu bagaimana menyertai kelas yang dianjurkan secara dalam talian.

"Untuk aktiviti warga emas pula, kita turut menganjurkan kelas keagamaan, kelas menjana ekonomi kerana di kawasan ini, meskipun ramai warga emas, namun mereka masih memerlukan pendapatan tambahan dan ia dijalankan secara percuma," katanya.

Ujarnya, PEDi di bawah seliaannya turut menjadi pilihan untuk sekolah berdekatan mendapatkan perkhidmatan cetakan berwarna kerana ia lebih murah berbanding di luar namun perlu berdaftar sebagai ahli terlebih dahulu.

"Pendaftaran keahlian hanya RM5 sekali seumur hidup dan boleh digunakan di mana-mana cawangan PEDi seluruh negara.

"Kos percetakan lebih murah berbanding di luar, misalnya cetakan berwarna saiz A4, harganya kira-kira RM1 sekeping jika di luar berbanding di PEDi, 10 keping cetakan warna, kami caj harga RM1.20 sahaja," katanya. **WK**



NURUL AQILAH



NURUL HUSNA



Martabat makanan tradisi tapai, elak ditelan zaman



KHAIRUL IDIN

TAPAI merupakan sejenis makanan tradisional yang dihasilkan daripada proses penapaian atau peragian di mana bahan utama dalam proses membuat tapai adalah ragi.

Zaman dahulu, juadah ini tidak asing lagi lebih-lebih lagi ketika acara keramaian seperti kenduri kahwin dan sebagainya. Namun seiring waktu, tapai agak sukar ditemui.

Malah, tidak dinafikan golongan muda hari ini ada yang tidak mengenali tapai. Tidak mustahil suatu hari nanti makanan tradisi turun-temurun yang enak ini akan hilang ditelan zaman.

Menyedari akan perkara itu,

Norhani Wahab, 68, mengambil langkah mengusahakan perniagaan tapai secara kecil-kecilan di kediamannya yang terletak di Labuan agar makanan tradisi turun temurun itu sentiasa relevan biarpun dalam arus moden masa kini.

"Ketika zaman muda, saya belajar membuat tapai daripada arwah mak. Ketika itu makanan ini hanya untuk keluarga sahaja. Kalau ada kenduri-kendara, tapai merupakan makanan wajib perlu ada di kampung.

"Tetapi melihat pada zaman sekarang, agak sukar untuk menjumpai tapai apatah lagi untuk mendapatkannya. Jika pergi ke pasar sekalipun, tetap tidak jumpa orang yang menjualnya.

"Disebabkan itu juga, terdetik di

hati saya untuk membuat tapai sekali gus mengembalikan semula makanan tradisi yang popular di negara kita suatu ketika dahulu.

"Kalau boleh, biarlah generasi muda hari ini tahu kewujudannya dan jika mereka datang untuk mempelajari cara membuat tapai juga saya turut mengalu-alukan," ujarnya ketika ditemui *WilayahKu* di kediamannya di Kampung Bukit Kalam, baru-baru ini.

Berkongsi idea jualan tersebut, Norhani berkata dia tidak menyangka tapai yang dihasilkan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh masyarakat setempat.

"Alhamdulillah sejak berniaga makanan ini sambutan yang diterima tidak putus-putus dan adakalanya saya turut menerima tempahan yang banyak

mencecah ratusan tapai dalam satu-satu masa.

"Niat utama berniaga ini bukan hanya mencari duit semata-mata tetapi yang paling utama ingin mempopularkan juadah enak zaman-berzaman ini sekali gus memartabatkannya," ujarnya yang menjual tapai berbalut daun pisang dengan harga RM0.50 sebiji.

Berkongsi lanjut, Norhani menjelaskan tapai yang dihasilkan adalah sama seperti tapai lain namun yang membezakannya adalah teknik menggaul adonan pulut dan ragi.

"Keistimewaan rasa tapai yang dihasilkan ditentukan menerusi teknik menggaul sementara bahan yang digunakan semua sama seperti yang diketahui ramai iaitu beras, pulut dan

ramuan larut (ragi).

"Kemudian ia dibungkus menggunakan daun pisang, simpur, nipah, puak atau daun irik sebelum diperam selama sehari semalam atau 24 jam.

"Sekiranya terlebih sukatan bahan seperti ragi dan gula akan menjejaskan tahap masak tapai tersebut. Tapai yang sudah masak selepas proses peram, mampu bertahan selama satu hingga dua bulan sekiranya diletak di dalam peti sejuk," ujarnya yang hanya menerima tempahan selewat-lewatnya tiga hari sebelum keraian. **WK**



**Simpang Masjid,
Kampung Bukit Kalam
WP Labuan**



019-832 1364

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!

Dapatkan juga versi e-paper WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my | [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) | [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) | [WkTV](https://www.youtube.com/channel/UCWkTV)

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000

BANNER TENGAH RM2,500

BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

PLKN kembali bentuk sahsiah diri

NAMA aku naik!" "Nama aku pun naik!" "Nama aku tak naikkah!" Itu gelagat dalam kalangan pelajar tingkatan 5, termasuk dalam Wilayah Persekutuan, sebagai reaksi sama ada terpilih atau sebaliknya mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 1.0 suatu ketika dahulu.

Program yang diperkenalkan buat pertama kali pada 2003 itu dihentikan pada 2018. Setelah lima tahun berlalu, PLKN bakal kembali dengan nama PLKN 3.0. Perkara ini dimaklumkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Proses pemilihan pelatih dahulu dibuat secara rambang. Kerana itu ada pelajar yang terpilih, ada yang tidak. Bagi yang memang berminat dan terpilih pasti seronok. Jika tidak, akan rasa kecewa. Ada yang berharap tidak terpilih, tetapi termasuk pula dalam senarai!

Pada asasnya, PLKN menekankan kekentalan fizikal dan mental, menanam semangat cintakan negara, pembinaan karakter serta perkhidmatan komuniti. Bagi Adi tujuan ini memang sangat murni dalam membentuk sahsiah diri serta menyediakan pemimpin pelapis untuk masa hadapan.

Ketika itu latihan dijalankan di kem-kem persendirian seluruh negara yang diiktiraf oleh kerajaan, menurut modul yang ditetapkan. Konsep latihan bersifat holistik serta sangat bermanfaat untuk menyemai semangat patriotik.

Sejajar matlamat itu, peluang terbuka kepada ribuan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyertai latihan melalui pemilihan rambang. Jumlah sasaran pelatih ialah antara 85,000 hingga 95,000 pelajar setiap tahun di kem seluruh negara. Perbelanjaan pula dianggar RM600 juta setahun.

Namun Adi bangga walau dengan kos yang tinggi, program ini tidak terjejas kerana kerajaan mahu melahirkan bukan sahaja insan



PADA asasnya, PLKN menekankan kekentalan fizikal dan mental, menanam semangat cintakan negara, pembinaan karakter serta perkhidmatan komuniti. - Gambar hiasan

berilmu tetapi juga mempunyai nilai diri yang tinggi serta menjadi aset penting negara.

Bagaimanapun setelah 12 tahun dilaksanakan, kerajaan melaksanakan rasionalisasi perbelanjaan yang menyaksikan PLKN dihentikan sementara untuk tempoh setahun pada 2015. Dalam tempoh itu, kerajaan mengkaji semula perbelanjaan yang menyaksikan penyesuaian daripada segi jumlah pelatih.

Justeru apabila dimulakan kembali pada 2016, dikenali sebagai PLKN 2.0, jumlah pengambilan pelatih jauh menurun, hanya 2,000 orang. Akhirnya program ini dihentikan terus pada 2018. Tiada khabar berita mengenainya selepas itu sehinggalah kerajaan mengumumkan PLKN bakal kembali.

Adi sifatkan langkah mewujudkan kembali PLKN sebagai bijak kerana sesungguhnya program ini sangat bermanfaat.

Cuma kemunculannya kembali bakal melalui pendekatan berbeza berbanding pelaksanaan dahulu.

Jika dahulu latihan diadakan di kem persendirian, kali ini ia akan dijalankan di kem-kem tentera seluruh negara, juga Pusat Latihan Polis (PULAPOL). Jumlah pelatih hanya dalam lingkungan 4,000 orang. Jangka masa latihan hanya 45 hari berbanding tiga bulan dahulu.

Latihan merangkumi dua fasa. Fasa pertama melibatkan pelajar tingkatan empat di sekolah menerusi badan beruniform. Dahulu, program ini tidak melibatkan pelajar tingkatan empat. Fasa kedua pula menekankan latihan disiplin dan ketenteraan melibatkan pelajar lepasan SPM.

Pelaksanaan program di kem tentera dan PULAPOL bererti ia tidak melibatkan pengusaha kem latihan sebelum ini. Sebenarnya Adi simpati dengan ramai pengusaha PLKN ini yang menanggung kerugian, malah sehingga diisytihar mufis, apabila latihan dihentikan dan kem ditutup.

Ini berlaku kerana dalam proses membina kem dan menyiapkan segala kemudahan latihan, ada yang membuat pinjaman bank. Apabila kem ditutup dan tiada lagi sumber pendapatan, mereka terpaksa menanggung beban hutang.

Namun pada waktu sama, Adi juga sedar kerajaan perlu menjimatkan perbelanjaan memandangkan peruntukan juga perlu diberi untuk keperluan lain. Tetapi kembalinya PLKN menandakan ia tetap diberi keutamaan sebagai kesinambungan kepada program yang terputus lima tahun lalu.

Cuma barangkali kerajaan boleh mempertimbang memberi sedikit

peranan kepada pengusaha kem dahulu. Misalnya menggunakan tenaga jurulatih dahulu, selain jurulatih yang tentunya ramai terdiri daripada tentera dan polis.

Adi juga tidak pasti apa kaedah yang akan digunakan dalam pemilihan pelatih PLKN 3.0. Adakah secara rambang seperti dahulu? Juga Adi tidak pasti bila tarikh sebenar program akan bermula. Maklumat terperinci mungkin akan diumumkan tidak lama lagi.

Apa pun Adi harap mereka yang terpilih menganggap diri sebagai istimewa dan bertuah kerana berpeluang menjalani latihan yang sangat bermanfaat dalam kehidupan sebagai pelajar. Latihan yang diterima adalah bekal berguna dalam menjalani kehidupan dan kerjaya di hari muka.

Oleh itu jalani latihan dengan komited dan bersungguh-sungguh. Usah persiapkan peluang yang diberi. Latihan di kem tentera atau PULAPOL secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar kehidupan di kem dan pusat latihan polis.

Pada era Adi bersekolah menengah dahulu, tidak ada program PLKN. Tiada peluang menjalani latihan ala tentera untuk memperkuatkan fizikal dan ketahanan diri. Kini sudah ada peluang tersebut. Gunakan sebaik-baiknya.

Mungkin ramai daripada mereka yang menyertai latihan PLKN kemudian nanti akan tertarik memilih kerjaya tentera atau polis, tidak kiralah sebagai pegawai atau anggota biasa. Justeru pengalaman menyertai PLKN memberi latihan pengenalan yang berguna apabila menghadapi latihan sebenar kelak.

Pengalaman menjalani latihan di kem dan PULAPOL akan

menjadi bekal berguna menjalani kehidupan sebenar sebagai rekrut tentera atau polis. Mereka tidak merasa janggal atau terlalu asing membiasakan diri dengan kehidupan sebenar di kedua-dua tempat tersebut lantaran sudah pernah merasainya.

Cuma perlu diingat latihan sebenar di kem dan PULAPOL, serta kehidupan di kedua-dua tempat tersebut adalah lebih mencabar berbanding 'menumpang' tempat latihan semasa menyertai latihan PLKN. Sementara latihan PLKN dianggap sederhana atau 'mild', latihan ketenteraan adalah lebih lasak.

Kerana itu hanya mereka yang memiliki kekentalan fizikal dan minda lebih mudah menyerap cabaran dan tekanan. Dalam aspek inilah latihan PLKN amat berguna menyediakan mereka dengan kekuatan menghadapi laluan penuh ujian.

Adi juga berharap kembalinya semula PLKN 3.0 akan menyaksikan ia terus wujud untuk tempoh waktu yang lama. Semoga episod pemberhentian sementara pada 2015 serta pemberhentian lima tahun pada 2018 tidak berulang.

PLKN wajar terus menjadi salah satu agenda penting yang dicatat dalam diari pelajar menengah melalui latihan berterusan. Adi optimis dengan pengendalian latihan melalui kem tentera dan PULAPOL akan merealisasikan matlamat ini kerana ia memberi banyak penjimatan kepada kerajaan.

Pihak swasta juga wajar turut mengambil inisiatif membantu program latihan, misalnya memberi tajaan atau sumbangan untuk keperluan latihan. Ini kerana pelajar yang melalui latihan PLKN juga adalah antara tenaga kerja yang bakal memenuhi keperluan swasta kelak. Justeru bersamalah membantu kejayaan PLKN.

Adi—Pernah mohon jadi polis

Adi Trah

RAGAM KOTA

F#minor



Sajak

PERAHU YANG TERSADAI

*Banyak usaha dilakukan
Untuk melakar impian
Di kanvas kehidupan.*

*Sampai kini
Belum separuh lagi
Dapat dilaksanakan
Selebihnya terbelengkalai
Bak perahu yang tersadai
Di bibir pantai.*

**ALADIN MOHAMAD
RIM 8, JASIN, MELAKA.**

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Bangunan gajah putih di Labuan berusia 26 tahun bakal diroboh



KHAIRUL IDIN

CADANGAN merobohkan Hotel Labuan yang terbengkalai selama 26 tahun bagi memberi laluan kepada pembangunan sekali gus meningkatkan ekonomi mendapat sokongan majoriti penduduk di pulau ini.

Penjawat awam, **Saini Mastah**, 57, berkata cadangan itu dinantikan penduduk memandangkan bangunan tersebut sudah lama terbiar dan menjejaskan pemandangan.

“Sebagai penduduk di sini bersetuju dengan langkah diambil Perbadanan Labuan (PL) dan diharapkan ia akan menjadikan kenyataan. Bagi cadangan pembangunan baharu, semoga ia memberi peluang pekerjaan kepada penduduk,” katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Marianieh Ismail, 31, pula turut menyokong usaha PL tersebut untuk menaikkan semula imej Labuan di



SETELAH terbengkalai sejak tahun 2007, Hotel Labuan bakal dirobohkan.

dalam dan luar negara.

“Cadangan merobohkan hotel itu merupakan satu kebaikan untuk memberi laluan kepada pembangunan baharu dan memberi

manfaat kepada penduduk setempat.

“Walaupun pernah menjadi lambang kebanggaan pulau bebas cukai ini, tetapi sejak ditutup bangunan itu menjadi gajah putih

yang tidak memberikan manfaat kepada masyarakat setempat.

“Harapan saya supaya pembangunan baru yang bakal dibina nanti mampu merancakkan lagi sosio ekonomi Labuan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan India Labuan, **Datuk Dahli Sigh** menyifatkan ia sebagai usaha membuka pintu kepada pemaju bagi memberi nafas baharu di kawasan tersebut.

Pada masa sama katanya, ia turut memberi laluan kepada pembangunan komersial yang akan membawa manfaat ekonomi kepada pulau itu.

“Sebelum ini, PL membuka tender kepada pemaju untuk mengambil alih bangunan itu namun tidak berjaya.

“Untuk memajukan semula kawasan itu, perobohan bangunan harus dilakukan secepat mungkin supaya ia boleh dibangunkan semula dengan pembangunan yang memberi manfaat ekonomi” katanya.

Dahli berkata Dewan Perniagaan India Labuan sentiasa memberikan

sokongan penuh kepada PL untuk meningkatkan imej serta ekonomi pulau bebas cukai itu.

“Cadangan saya, berdasarkan lokasi yang strategik dan sesuai jika dibina sebuah hotel bertaraf lima bintang. Namun terserah kepada PL untuk menentukan keputusan tersebut,” katanya.

Sabtu lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail memaklumkan pihaknya bakal melaksanakan perobohan Hotel Labuan untuk memberi laluan kepada pembangunan baharu.

Beliau berkata lembaga pengarah pihak berkuasa tempatan (PBT) telah memberi lampu hijau untuk merobohkan hotel 10 tingkat berkenaan yang dijangka akan dilaksanakan selewat-lewatnya awal tahun depan.

“Kami akan membuka tender secepat mungkin sebaik sahaja mendapat anggaran peruntukan untuk proses perobohan itu,” kata beliau. **WK**

Perpaduan Teras Malaysia Madani pengikat kesatuan

BERTEMAKAN Perpaduan Teras Malaysia Madani, Sambutan Maulidur Rasul peringkat Labuan berlangsung meriah disertai seramai 4,000 peserta dan membabitkan 68 kontinjen mewakili agensi kerajaan, swasta, persatuan dan sekolah.

Pengerusi Perbadanan Labuan, **Senator Tan Sri Anifah Aman** berkata masyarakat dapat mempelajari erti menerima kepelbagaian di dalam kehidupan, seterusnya menjauhi sifat taasub dan melampau dalam mencintai sesuatu bangsa.

“Kita hendaklah hidup dalam suasana persekitaran yang harmoni dan seimbang. Sebagai umat Islam harus membawa watak kedamaian menyeru dengan kasih sayang dan memandu ke arah kesatuan ummah,” katanya semasa merasmikan Majlis Penutupan Sambutan Maulidur Rasul 2023 peringkat Labuan, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) Labuan, **Sharidah Zainal Abidin**.

Dalam pada itu, Anifah turut menyeru masyarakat menjadikan akhlak dan peribadi baginda Rasulullah SAW yang sentiasa tidak lokek dengan senyuman, mengasihi golongan muda serta menyantuni mereka yang sudah dimamah usia.



SIMSUDIN (dua dari kiri) menyampaikan hadiah dan sijil kepada wakil kontinjen PL selepas dinobatkan Perarakan Maulidur Rasul 2023 peringkat Labuan.

“Baginda sentiasa mengangkat seruan perpaduan dalam kehidupan. Bukan sekadar menjadi laungan retorik dalam ucapan, sebaliknya dengan penuh kejujuran, ia dibuktikan melalui tindakan yang sarat dengan nilai keikhlasan,” katanya.

Terdahulu, Perbadanan Labuan muncul johan bagi kategori jabatan kerajaan dalam pertandingan perarakan Maulidur Rasul 1445H bersamaan 2023M peringkat Labuan.

Manakala bagi kategori kampung, Kampung Pohon Batu merangkul johan. Kedua-dua johan kategori jabatan kerajaan dan kampung membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM800 beserta sijil penghargaan. **WK**

Dialog Awam pupuk perpaduan dalam kalangan pelajar universiti

BAGI merealisasikan misi penting untuk memupuk nilai perpaduan dalam kalangan pelajar universiti, Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) Sabah menganjurkan Program TownHall Bicara Perpaduan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengarah J-KOM Sabah, **Milus Alu @ Abd Wahad** berkata penganjuran sebagai platform bagi pelajar, fakulti, dan tetamu terkemuka untuk terlibat dalam perbincangan yang membina, berkongsi pandangan dan bekerjasama mencapai matlamat bersama.

“Ia memainkan peranan penting dalam mempromosikan komunikasi terbuka, pemahaman dan perpaduan dalam kalangan pelbagai kumpulan masyarakat terutamanya dalam

kalangan komuniti akademik.

“Para pelajar diberikan taklimat kenegaraan dengan tajuk Merdeka Kita? Dimana letaknya Patriotik Kita yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sabah, **Supian Musa**,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program TownHall Bicara Perpaduan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang dihadiri lebih 600 pelajar, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr Mohd Rizal Abdul Hamid dan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal. **WK**



TETAMU kehormat bergambar bersama para pelajar selepas perasmian Program TownHall Bicara Perpaduan di UMSKAL, baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM234



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM234".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 4 NOVEMBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 236.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA MENARA KUALA LUMPUR



TEKA SILANG KATA SK234

Arahan: Cari perkataan-perkataan yang tersembunyi seperti yang ditunjukkan di bawah pada kotak silang kata.

E	R	H	M	L	N	I	M	E	S	K	J	M	T
W	R	U	E	R	H	A	M	P	I	R	E	E	H
E	A	W	U	J	A	N	B	T	I	N	G	G	I
N	A	J	N	B	E	R	A	N	I	N	I	S	A
T	A	P	M	T	H	I	A	A	J	T	A	A	A
H	C	I	A	J	A	M	C	E	R	M	A	T	L
B	A	S	S	N	H	L	A	S	A	A	T	I	A
B	A	N	I	E	J	I	A	R	M	L	H	H	J
A	T	R	N	N	M	A	A	M	A	M	H	U	U
A	D	J	A	M	A	U	N	T	B	H	A	A	N
J	E	H	A	J	A	M	A	G	A	A	J	J	U
R	K	I	A	S	I	J	K	E	L	A	T	A	E
A	A	N	I	N	G	N	A	M	H	H	L	T	L
S	T	R	A	M	R	A	P	A	T	I	M	W	I

1. Lewat
2. Manis
3. Rapat
4. Hampir
5. Jauh
6. Dekat
7. Tinggi
8. Masin
9. Berani
10. Lambat
11. Panjang
12. Marah
13. Rajin
14. Risau
15. Laju
16. Cermat

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK234".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 4 NOVEMBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 236.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA MENARA KUALA LUMPUR



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 232

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM232:

ABDURRAHMAN BIN MUSLI
(10 tahun)
Seksyen 5, Wangsa Maju

AZ-ZAHIRA ARYA IRDINA BINTI AZLAN
(10 tahun)
Bukit Angkasa, Kuala Lumpur

ANIS SUMAYYAH BINTI ROSLEE
(8 tahun)
Presint 11, Putrajaya



ARYA

ANIS

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK232:

KHOO PHAU LIANG
(29 tahun)
Tanah Merah, Kelantan

ALYA MAISARA BINTI ABDUL MALIK
(13 tahun)
Taman Ambar, Dengkil

SITI FATIMAH BINTI MOHD RAZI
(37 tahun)
Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur



KHOO



ALYA



FATIMAH

The Tech Titan Challenge semarak minat pelajar sertai aliran STEM

MENYEDARI keperluan menyediakan tenaga pakar di dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang mencukupi untuk kesejahteraan negara, konglomerat milik negara, Telekom Malaysia (TM) melalui Yayasan TM (YTM) mengorak langkah untuk menyemarakkan lagi minat pelajar sekolah mengenai kepentingan pembelajaran berteraskan STEM.

Bagi mereka, aliran STEM mestilah dipupuk dari peringkat bangku sekolah agar kepakaran tempatan dalam bidang berkaitan dapat diperbanyakkan selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan *enrolment* pelajaran aliran Sains dan Matematik ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Untuk itu, Pengarah Yayasan TM, **AINOL SHAHARINA SAHAR** berkongsi dengan wartawan kanan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY** dan jurugambar, **SHUAIB AYOB** aspirasi TM untuk pembangunan STEM menerusi penganjuran *The Tech Titan Challenge* sekali gus dapat meningkatkan minat para pelajar untuk menyambung pengajian di menara gading dalam aliran berkenaan.

WILAYAHKU : Boleh puan terangkan mengenai Program *The Tech Titan Challenge*?

AINOL SHAHARINA : Ini adalah projek perintis dalam menyokong pendidikan dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Jadi Program *The Tech Titan Challenge* merupakan pertandingan melibatkan 25 buah sekolah yang akan berentap dan menunjukkan keupayaan dalam bidang teknologi dan inovasi.

Setiap sekolah perlu menghantar tiga orang pelajar dengan seorang guru yang akan menjadi fasilitator. Ini bermakna 100 orang akan terlibat dalam program ini.

Jadi, apa yang hendak kita lakukan adalah untuk menyemarakkan pendidikan STEM dengan lebih luas. Melalui rakan strategik, Creative Minds, kita bangukan sebuah modul iaitu *TM Future Skills*.

Apabila kita menjalankan program tersebut, kita telah mempunyai tiga buah sekolah angkat dan pada masa sama, kita perlu menyemarakkan semangat murid-murid sekolah untuk menarik minat mereka menyertai Pertandingan *The Tech Titan Challenge 2023* yang akan mengkhususkan kemahiran di dalam inovasi dan digital.

Apa yang mendorong YTM untuk membangunkan bidang STEM ini untuk peringkat kebangsaan?

Saya rasa YTM sudah mengalami satu transformasi, dari tahun 2021 kita mengorak langkah transformasi 2.0 di mana pada zaman dahulu, ia berteraskan kepada pendidikan sahaja.

Jika dahulu ia hanya dikenali sebagai pemberi biasiswa dan habis di situ sahaja. Tetapi kita lihat apabila pemberian biasiswa ini, ia perlu bertitik tolak dari awal iaitu di bangku sekolah. Jadi sewaktu di tingkatan 4 dan tingkatan 5, YTM

telah pun memberikan biasiswa melalui Program *Young Leaders* kepada lebih kurang 400 pelajar dengan nilai RM3,000 untuk dua tahun.

Selepas mereka mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memperolehi kejayaan yang cemerlang, mereka akan terus mendapat biasiswa daripada YTM. Jadi program pembenihan itu telahpun bermula seawal daripada pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 kerana mereka telah pun mempunyai persiapan minda yang cukup dan dari situlah lahirnya idea untuk menyemarakkan pendidikan berteraskan STEM.

Kalau lihat di sekolah, selain daripada STEM, semua sudah tahu mengenainya namun golongan murid dilihat tidak mempunyai semangat atau inovasi untuk menyertai aliran STEM jika dibandingkan dengan sukan dan sebagainya.

Untuk menarik minat pelajar, kita mengambil inisiatif untuk menganjurkan pertandingan ini dan sekiranya kita dapati ada kejayaan dan sokongan yang memberangsangkan pada tahun ini, kita akan anjurkan dengan lebih menarik dan lebih besar untuk tahun hadapan.

Apakah manfaat yang diterima oleh

komuniti STEM dan mungkin ada usaha bagi memenuhi keperluan industri?

Jika kita nampak dari segi pendidikan khususnya aliran yang mendokong STEM, ia mencatatkan trend penurunan. Jadi kita mendokong hasrat kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta visi dan misi TM yang ingin melahirkan generasi yang peka kepada digital. Kita dapati untuk memulakan ini, ia perlu bermula dari bangku sekolah. Tetapi *insya-Allah* jika melalui program ini mempunyai potensi yang luas, maka kita mungkin akan membuka peluang yang sama untuk pelajar di peringkat tingkatan 3 ke bawah.

Bayangkan jika kita tidak mempunyai teras ini mahupun pendirian untuk menjalankan program ini, jadi STEM tidak dapat disemarakkan. Jadi, untuk ke arah itu, kita perlu mencari sesuatu bagi menyemarakkan dan akan membuka lebih banyak peluang untuk orang ramai kenali program dan objektif dan ditambah pula dengan hadiah yang lumayan menjadikan STEM ini akan mula dikenali dan diminati golongan sasaran kami.

Apabila peserta itu sudah mula gembira dan ada percambahan minat dalam bidang tersebut, ia tentunya dapat mengurangkan jurang pelajar yang tidak berminat mempelajari aliran STEM dan sekali gus membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan pelajar dalam aliran STEM.

Apakah impak sekiranya pembudayaan STEM ini tidak dipupuk dari peringkat sekolah dan apakah kesannya terhadap industri?

Kita kena faham, impak kepada komuniti dan pelajar itu sendiri, satunya kita dapat mengurangkan jurang digital. Melalui Revolusi Industri (IR) 4.0, apa yang penting, jika seorang pelajar itu tidak dilengkapi pendidikan dengan kepentingan pekerjaan dan industri akan datang, ia mungkin akan tertinggal ke belakang.

Sekiranya kita berikan pendedahan mengenai pendidikan jurusan STEM ini, secara automatik telah melengkapkan pelajar itu dengan jurusan yang akan memberikan pekerjaan dan mereka tidak akan tertinggal dengan teknologi.

Contohnya hari ini kita bercakap mengenai Data Raya (*Big Data*) dan *coding* dengan situasi hari ini, ramai golongan anak muda hari ini tidak mahu terikat dengan satu-satu pekerjaan. Jika mereka belajar *coding*, mereka boleh lakukan kerja sendiri di mana-mana lokasi dan pada bila-bila masa. Malah mereka juga boleh melaksanakan *programming* dan pelbagai bidang dengan membuat satu *coding* yang pasti memperoleh bayaran tinggi.

Penerapan bidang STEM ini tidak menjadi pilihan di peringkat sekolah menengah sehingga ke IPT, bagaimana strategi YTM agar dapat mengembalikan semangat untuk mempelajari STEM dan Sains Teknologi dan Inovasi (STI)?

Pertamanya mereka menyatakan aliran ini sukar dan keduanya ia mungkin membosankan. Kita mesti laksanakan kepelbagaian program untuk menunjukkan bidang yang diterokai ini tidaklah membosankan dan mereka akan meraih pelbagai manfaat melalui STEM dan STI.

Contohnya, ada beberapa pelajar dari sebuah sekolah mampu membina aplikasi *coding* melibatkan teknologi dan ia boleh selaraskan sebuah kereta melalui fungsi robotik dan berfungsi dengan baik. Pastinya mereka teruja dengan cara pendedahan diberi.

Jika diterapkan pengalaman ini kepada pelajar sekolah, tidak mustahil mereka akan berminat untuk mempelajari bidang STI. Satu lagi, kaedah terbaharu untuk membina *coding* jauh lebih mudah berbanding 10 hingga 20 tahun lalu. Malah pelajar sekolah juga sudah mampu untuk membuat *coding* dan tidak lagi membosankan berbanding tahun-tahun terdahulu.

Adakah program tersebut menepati kehendak industri meskipun ia

melibatkan pelajar sekolah menengah?

Di bawah YTM ini, kita hendak pastikan program ini selari dengan kehendak industri. Bila kita buat program pendidikan dengan KPM, kita mahu sokongan industri juga supaya pelajar yang minat di dalam aliran berkenaan tahu bahawa peluang itu terbuka contohnya ke TM dan bakal menjadi jurutera atau sebagai juruteknik. Ia juga merupakan *bridging* program dan ada kesinambungan daripada bangku sekolah hingga ke menara gading seterusnya peluang pekerjaan yang terjamin.

Ini kerana kita melihat kebanyakan pelajar tidak mempunyai idea sekiranya ditanya mengenai cita-cita. Melalui program ini, kita memberikan pendedahan awal dan ia merupakan inisiatif untuk menyedarkan pelajar mengenai kepentingan STI ini.

Bagaimana pemilihan peserta untuk menyertai Program *Tech Titan Challenge*?

Untuk program ini, kita buka penyertaan untuk 25 buah sekolah dan dipilih dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Terbuka kepada semua dan mereka mesti melalui *pitching session* dan pada masa sama kita akan tanya mengenai idea dan inovasi yang hendak diketengahkan.

Hanya yang berpotensi akan dipilih, mereka akan dilatih. Ia akan dikomersial dengan kerjasama Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) TM dan kolaborasi ini dilaksanakan bagi menilai keberhasilan produk itu sendiri.

Kita akan bekerjasama dengan KPM bagi menguar-uarkan pertandingan. Dari segi peringkat pertama, mereka dikehendaki video *pitch* dengan idea masing dan 25 teratas akan dipilih.

Apakah ganjaran yang akan diterima oleh pemenang?

Untuk pemenang utama, mereka akan menerima hadiah wang tunai, trofi dan juga sijil penghargaan.

Untuk yang tidak menang, YTM sendiri mempunyai tiga sekolah angkat dan akan dikembangkan lagi. Sekiranya ada potensi, YTM akan ambil sekolah tersebut menjadi bahagian daripada sekolah angkat.

Selain itu, kita akan lihat semangat dan komitmen dan mereka masih dalam pemantauan. Sekolah angkat sedia ada, kami membina makmal digital di sekolah itu dengan kerjasama sekolah terbabit lengkap dengan alatan untuk membina pengaturcaraan *coding*, mesin pencetak 3D dan latihan untuk mempelajari teknologi tersebut. **WK**



Pertandingan CAREton@Putrajaya tingkat kreativiti industri kitar semula



SABRINA SABRE

SELARAS dengan aspirasi Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam menjadikan Putrajaya sebagai bandar rendah karbon, pihaknya menganjurkan Pertandingan Perabot PolyAI 2023 pada 1 Ogos hingga 15 September lalu.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar PPj, **Shamsul Bahrin Rahmat**, pertandingan tersebut dilaksanakan bersama rakan strategik CAREton@Putrajaya iaitu Syarikat Tetra Pak Malaysia, Nestle Milo UHT dan Majlis Rekabentuk Malaysia.

"Pertandingan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi kreativiti industri dalam menghasilkan produk kitar semula menggunakan papan polyAI.

"Di samping itu, ia adalah untuk memperkenalkan konsep sirkular ekonomi sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya.

"Hasil pertandingan yang terpilih akan digunakan di premis PPj dan sekitar Putrajaya mengikut kesesuaian," katanya dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan



SHAMSUL BAHRIN (tiga kiri) bersama wakil Malaysia Institute of Art yang merupakan johan Pertandingan CAREton@Putrajaya 2023. Kredit foto: Faris Azmi PPj

CAREton@Putrajaya: Produk PolyAI 2023.

Dalam masa sama, beliau berkata ia secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembelian PPj di samping mempromosi amalan

bandar hijau.

Shamsul Bahrin berkata sejumlah sembilan penyertaan telah diterima oleh pihaknya yang mana hasil pertandingan ini telah dinilai daripada aspek-aspek seperti

konsep dan fungsi, kreativiti dan estetik, keselamatan dan kekukuhan, peraturan penggunaan UBC dan potensi untuk dikomersialkan.

"Projek ini juga akan dikembangkan dari semasa ke

semasa kepada skala lebih besar dalam kalangan komuniti, bukan sahaja memanfaatkan alam sekitar malah dapat membantu menjaga sumber pendapatan komuniti berteraskan teknologi hijau.

"Sesuai dengan konsep bandar hijau, PPj akan terus komited dalam menggalakkan penggunaan bahan kitar semula dalam kehidupan seharian bagi menyebarkan kepentingan mengamalkan kelestarian alam sekitar.

"Aktiviti sebegini turut dapat memperkenalkan cara unik dan kreatif untuk menghias kawasan kediaman komuniti sambil menjaga alam sekitar," ujar beliau.

Terdahulu, pihak PPj meraikan sembilan pemenang Pertandingan CAREton@Putrajaya daripada peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), persatuan dan syarikat swasta bertempat di Lobi Auditorium Cempaka Sari, Kompleks PPj.

Juara pertandingan berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM8,00, manakala bagi naib juara RM600, RM400 untuk tempat ketiga, tempat keempat RM300 dan tempat kelima RM250. Pemenang sagu hati pula membawa pulang wang tunai RM200 selain masing-masing turut menerima sijil dan hadiah iringan. **WK**

PPj anjur forum bentuk keluarga harmoni, bahagia dan sakinah

DALAM usaha membantu serta menyokong komuniti Putrajaya ke arah pembentukan keluarga yang harmoni, bahagia dan sakinah, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan mengadakan Forum Keluarga Sakinah Putrajaya 2023 baru-baru ini bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, istilah Sakinah menggambarkan kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan dalam hubungan kekeluargaan sekali gus membentuk komuniti yang boleh menjadi penyumbang positif kepada masyarakat.

"Forum tersebut merangkumi pelbagai topik dan perbincangan mengenai perkahwinan, hubungan suami isteri, keibubapaan, komunikasi dalam keluarga dan nilai kekeluargaan dalam Islam.

"Selain itu, ia juga menjadi tempat untuk berkongsi pengalaman, nasihat dan penyelesaian berhubung masalah yang sering timbul dalam kehidupan berkeluarga.

"Dalam masa sama, ia turut menyokong kesejahteraan mental komuniti Putrajaya di mana keluarga yang harmoni cenderung

untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada kesejahteraan mental," tambah beliau perkara tersebut boleh mengurangkan masalah kesihatan mental dalam masyarakat selain mewujudkan masyarakat yang lebih stabil.

Lebih menarik, forum yang bertajuk Undang-Undang Syariah? Tujuan Dan Matlamat Dalam Kehidupan Berkeluarga turut menampilkan ahli panel yang tidak asing lagi iaitu pendakwah bebas, PU Amin dan Exco Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan,

Roshdan Sujak Rafie di samping penampilan moderator yang juga pengacara TV Alhijrah, Jalal Zaiki.

Terdahulu, Program Forum Keluarga Sakinah Putrajaya Siri 1 yang bertajuk Aidilfitri Dirai, Keluarga Disantuni telah diadakan pada April dengan penampilan Suffian Saujana sebagai moderator serta dua panel hebat iaitu Ustaz Nik Bakri Nik Mat dan Dr Fitri Haris.

Turut diadakan bersama Bantuan Kasih Aidilfitri Putrajaya 2023 yang disumbangkan kepada asnaf-asnaf dan anak anak Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Putrajaya. **WK**



KIRA-KIRA 300 orang peserta hadir mengikuti Forum Keluarga Sakinah Putrajaya 2023 baru-baru ini.



PENDAFTARAN DIBUKA!

TARIKH : 18 NOVEMBER 2023

PELEPASAN : 8.00 MALAM

TEMPAT PELEPASAN : JAMBATAN SAUJANA, PUTRAJAYA

TEMPAT PENAMAT : ANJUNG FLORIA, PUTRAJAYA

PENDAFTARAN DALAM TALIAN DI : WWW.TICKET2U.COM.MY

PENDAFTARAN AKAN DITUTUP PADA 20 OKTOBER 2023 ATAU APABILA MENCAPAI 2,000 PESERTA

Syukur jika ke Olimpik

Sukan berbasikal jadi keutamaan Fahmi

SABRINA SABRE

BARU berusia 22 tahun, namun atlet berbasikal Wilayah Persekutuan, **Muhammad Fahmi Khairul** merupakan antara atlet muda dilihat memiliki potensi yang boleh digilap untuk menyinari dunia berbasikal suatu hari nanti.

Setiap kali terpilih untuk tampil di pentas pertandingan, dia sebolehnya mahu memastikan skuad berbasikal menempa kejayaan yang tersendiri.

“Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana setiap kali memperoleh kemenangan, secara tidak langsung ia juga merupakan kejayaan bagi diri saya sendiri.

“Harapan saya dalam sukan berbasikal ini sangat tinggi kerana saya mahu pergi ke tahap yang boleh dibanggakan bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di pentas antarabangsa,” ujarinya.

Dalam pada itu, selain sibuk berkerja, anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini berkata dia tetap fokus dalam bidang sukan yang menjadi keutamaannya sejak berumur 14 tahun.

“Jiwa saya memang sejak kecil lagi meminati sukan ini dan saya dapat merasakan masa hadapan saya cerah untuk terus berada dalam arena ini.

“Saya jatuh cinta dengan sukan berbasikal kerana merasakan



AKSI Muhammad Fahmi ketika Kejohanan SUKMA XX MSN 2022.

jiwa lebih tenang dan dekat dengan suasana alam semula jadi memandangkan trek berbasikal adalah di hutan,” ujarinya.

Setiap kali berlatih mahupun menyertai pertandingan dalam kawasan hutan dia akan memastikan basikal sentiasa berada dalam

keadaan baik.

“Tayar dan brek adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian. Jangan sesekali terlepas pandang kerana ia boleh mengundang kemalangan dan kecederaan. Selain daripada itu, untuk yang beragama Islam perlulah sentiasa berdoa agar

sentiasa dalam lindungan-Nya.

“Dalam masa sama, perlu sentiasa peka dengan binatang buas kerana kita berada di dalam kawasan laluan mereka,” kongsinya kepada *Wilayahku*.

Mula bergiat dalam sukan berbasikal sejak tahun 2014, Fahmi

Pencapaian

Muhammad Fahmi

2022 - Asian Continental Championship - Tempat ketiga

2022 - Neustadter Mtb Marathon Germany - Tempat ketiga

2022 - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 - Tempat kedua

yang juga merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Rumpit Melaka memasang impian untuk mencipta kejayaan unggul dalam dunia berbasikal antarabangsa.

“*Insya-Allah* saya akan pastikan apa yang dihayati tercapai. Untuk ke arah itu, saya perlu lebih bersiap sedia dan melakukan banyak latihan agar penampilan pada pemilihan itu nanti akan memberi kejayaan luar biasa.

“Jika diizinkan saya ingin melayakkan diri ke temasya Sukan Olimpik dan menyumbangkan emas dalam masa yang sama dapat menggembirakan keluarga yang sentiasa memberi sokongan,” ujarinya. *WK*

Kontinjen Malaysia mula mengorak langkah

KONTINJEN Malaysia sudah mula mengorak langkah ke depan menerusi kejayaan merangkul tiga pingat emas, empat perak dan tiga gangsa selepas berakhir saingan hari kedua temasya Sukan Para Asia (APG) Hangzhou 2022, pada Rabu.

Pencapaian tersebut menjadikan jumlah keseluruhan pungutan pingat kontinjen negara kepada empat emas, enam perak dan enam gangsa, sekali gus membolehkan mereka menghuni kedudukan kelapan.

Pingat emas kedua negara mula dijelmakan dalam kem berbasikal trek menerusi Nur Suraiya Muhamad Zamri dalam acara 1,000 meter (m) ujian masa wanita B (masalah penglihatan) di Velodrom Pusat Sukan Chun’ An Jieshou, di sini.

Dua pingat perak kemudian mengiringi kejayaan emas itu masing-masing menerusi Nur Azlia Syafinaz Mohd Zais dalam acara sama, diikuti Mohd Khairul Hazwan Wahab dalam acara 1,000m ujian masa lelaki B.

Kem olahraga yang sinonim dengan istilah ‘lubuk emas’ pula cemerlang menjelmakan dua emas,

dua perak dan satu gangsa di Stadium Pusat Sukan Huanglong.

Dua emas itu masing-masing hadir menerusi Muhammad Ziyad Zolkefli dalam acara lontar peluru lelaki F20 (kecacatan intelektual) dan Datuk Abdul Latif Romly dalam acara lompat jauh T20 (kecacatan intelektual).

Pingat perak kemudian ditambah Eddy Bernard dalam acara 100 meter (m) lelaki T44 (kecacatan fizikal) diikuti Mohammad Aliff Mohamad Awi dalam acara lontar peluru lelaki F20, sementara gangsa bagi acara lompat jauh T20 menerusi Zulkifly Abdullah.

Kem renang tidak kurang hebatnya apabila membawa pulang dua gangsa di Arena Sukan Akuatik, masing-masing menerusi Muhammad Imaan Aiman Muhammad Redzuan dalam acara 100m kuak lentang lelaki S14 (kecacatan intelektual) dan Zy Lee Kher dalam acara 200m gaya bebas lelaki S5 (kecacatan fizikal).

China menduduki tangga teratas carta pungutan pingat dengan 67 emas, 53 perak dan 45 gangsa diikuti Iran (16-19-12), Jepun (12-13-20) dan Uzbekistan dengan kutipan 12-12-14. - **BERNAMA**

Lebih 5,000 penyokong Harimau Malaya banjir Dataran Putrajaya

KIRA-KIRA 5,000 orang penyokong setia Harimau Malaya membanjiri Dataran Putrajaya, Presint 3 bagi menyaksikan perlawanan Malaysia menentang Tajikistan baru-baru ini bersempena Pestabola Merdeka 2023.

Dataran Putrajaya menjadi lokasi utama bagi tayangan skrin besar dan program santai anak muda anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Lebih menarik, program anjuran Pejabat Belia dan Sukan daerah Putrajaya (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) itu turut mengadakan aktiviti bersama peminat pasukan kebangsaan antaranya Kuiz Pestabola Merdeka dan cabutan bertuah.

Majlis penyampaian hadiah tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Kamil Munim.

Turut hadir Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk

Wilayah Persekutuan Putrajaya, Datuk Ahmad Faisal Abdul Karim; Pengarah Cawangan Penggalakkan dan Pembangunan Sukan KBS, Sabran Abu Bakar dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Sukan dan Komuniti Perbadanan Putrajaya, Muhamad Zaidi Abdul Wahab.

Bagi menghidupkan lagi Putrajaya sebagai destinasi wajib dilawati, pelbagai

program anjuran MPPWP Sub Zon 5 Putrajaya bakal diadakan antaranya Hari Komuniti Kejiranan P14D, Hari Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14, Archery War Sub-Zon 5, Solat Hajat SPM 2023 dan Perkhemahan Kokurikulum Pendidikan Khas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 14(1). *WK*



KAMIL (tengah) bersama penyokong Harimau Malaya menyaksikan perlawanan Malaysia menentang Tajikistan baru-baru ini.



Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri 2

Syukur, rumah pusaka kembali bersinar

HAZIRAH HALIM

AIR mata syukur mengalir sebaik sahaja penjual kuih, **Azlina Hamzah**, 48, menerima kunci rumah yang telah diubah suai dengan wajah baharu menerusi Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri kedua di bawah inisiatif Parlimen Bandar Tun Razak (BTR) dengan kerjasama Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak.

Bagaikan mimpi, dia tidak menyangka rumah pusaka yang diduduki berpuluh tahun bersama keluarga tersayang berubah menjadi lebih cantik dan selesa berbanding sebelum ini.

“Sukar hendak digambarkan perasaan ini. Dalam tempoh sebulan segalanya berubah, rumah yang dahulunya sering bertakung air disebabkan atap rumah bocor kini bertukar menjadi cantik, luas, selesa dan bersih.

“Sungguhpun begitu, saya sebak kerana arwah mak dan abang tidak sempat melihat rumah yang sudah cantik ini. Saya masih ingat lagi ketika arwah abang masih ada, saya pernah memarahinya kerana dia membiarkan rumah ini kotor dan tidak terjaga tetapi saya tidak sepatutnya membuat sebegitu kerana dia menderita penyakit



AZLINA



WAN AZIZAH (dua dari kanan) melihat keadaan siling rumah Azlina yang dibaik pulih. Turut sama, Azman (kanan).

kanser usus.

“Tambahan pula, adik yang turut sama duduk di rumah ini pun kurang sihat. Apa-apa pun, ini hadiah untuk arwah mak dan abang selain hadiah ulang tahun kelahiran saya juga,” katanya ketika ditemui Wilayahku pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri Kedua di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur pada Sabtu.

Turut hadir ketika merasmikan rumah itu adalah Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin dan Ketua UMNO Bahagian Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar.

Azlina berharap agar rumah ini mampu memberi sinar baharu buat dia sekeluarga selain membantu memulihkan semula masalah gangguan emosi yang dialami

adiknya sejak 2006 yang lalu.

“Adik saya sangat gembira selepas melihat keadaan rumah ini. Beberapa sudut rumah yang dahulunya banyak kerosakan juga telah dibaiki seperti siling, paip bocor dan lain-lain.

“Saya mewakilinya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan pihak

yang sudi membantu membaik pulih rumah ini,” katanya sebak.

Sementara itu, **Wan Azizah** berkata rumah tersebut merupakan rumah kedua yang dibantu selepas siri pertama Program Rumah Kasih Harapan yang turut memberi nafas baharu kepada peserta, Hamidah Moin di Apartmen Sri Penara, Bandar Sri Permaisuri, Cheras pada Mei lalu.

“Melalui pengubahsuaian ini, ia menunjukkan kita komited dalam membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama warga Bandar Tun Razak yang kurang berkemampuan atau miskin bandar untuk mendapatkan sebuah rumah yang dilengkapi suasana lebih indah.

“Tiada sasaran dalam inisiatif ini kerana kita hendak mencari orang yang betul-betul memerlukan bantuan, jadi kadang-kadang saringan ini akan mengambil masa dan ada kekangan daripada kontraktor namun kita akan terus cuba membantu,” katanya kos pengubahsuaian unit rumah Azlina menelan kos sebanyak RM30,000 hasil tajaan daripada pelbagai pihak swasta, pengilang, pemuja perumahan dan lain-lain.

Terdahulu, Program Rumah Kasih Kak Wan mula diperkenalkan pada Mac 2023 dengan tujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan keluarga miskin yang mempunyai rumah sendiri untuk dibaik pulih bagi memberi kesempurnaan dan keselesaan.

Kediaman itu dipilih susulan tinjauan dan walkabout yang dilaksanakan beliau bersama Azman. **WK**

Suria FM, AC Gas sumbang RM 11,000 untuk rakyat Palestin

DEEL ANJER

DEMI membela nasib rakyat Palestin, banyak pihak dan syarikat swasta tampil membuat sumbangan.

Sebagai tanda keprihatinan, Suria FM dan AC Gas juga berbesar hati menghulurkan sumbangan sebanyak RM 11,000 kepada Tabung Bantuan Khas Palestin, kelolaan Yayasan Nurjiwa dengan kerjasama organisasi Kita Fund, baru-baru ini.

Sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Pengurus Besar Suria FM, Roslinda Abd Majid (DJ Lin) dan wakil Pemasaran AC Gas, Mohamad Amirul Hafiz kepada pengasas Yayasan Nurjiwa, Datuk Seri Siti Nurhaliza di ibu pejabat CTDK Holdings.

Acara penyerahan itu turut dihadiri barisan penyampai

Morning Morning Suria, Ajak, Shuib dan Suraya Borhan.

Menurut **DJ Lin**, sumbangan tersebut adalah tanda keprihatinan terhadap saudara Islam di Palestin yang kini sedang bertarung nyawa.

“Sumbangan ini merupakan tanda keprihatinan Suria FM dan AC Gas ke atas bumi Gaza juga saudara Islam di sana sekali gus merupakan satu inisiatif dalam menentang kezaliman yang sedang berlaku terhadap rakyat Palestin.

“Sebagai sebuah stesen radio swasta, kami akan cuba yang terbaik memainkan peranan dalam menyebarkan kesedaran juga maklumat di samping mengajak para pendengar untuk turut menyokong dan membantu rakyat di sana.

“Bantuan ini bukan sahaja

menunjukkan sokongan kami kepada usaha kemanusiaan di Palestin, tetapi juga sebagai tanda sokongan terhadap usaha Malaysia yang sentiasa bersatu dalam memperjuangkan hak kemanusiaan khususnya terhadap mereka yang dizalimi dan teraniaya,” ujarnya.

Pertemuan bersama Siti Nurhaliza itu juga merupakan antara inisiatif lain yang Suria FM lakukan dalam usaha membantu dan mengajak lebih ramai rakyat Malaysia untuk turut sama menyumbang ke Yayasan Nurjiwa.

“Buat semua pendengar Suria, jangan berhenti untuk terus bersolidariti demi Palestin dan teruskan berdoa semoga kita dapat membawa perubahan serta menghentikan kekejaman yang berlaku,” ujar DJ Lin. **WK**



DJ LIN (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Siti Nurhaliza. Turut sama barisan penyampai Morning Morning Suria dan wakil AC Gas, Mohamad Amirul (kanan).